



JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

# Sorotan Pasaran Buruh

Sorotan Pasaran Buruh (LMR) merupakan penerbitan suku tahunan oleh Malaysian Bureau of Labour Statistics (MBLS), Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) yang membawa penghayatan statistik rasmi dalam kehidupan melalui ulasan dan perihalan trend terkini pasaran buruh. Statistik pasaran buruh suku tahunan digabungkan dalam naratif supaya pengguna memperoleh gambaran komprehensif berkaitan pasaran buruh Malaysia.

Laporan ini dibahagikan kepada tiga bahagian bagi menyediakan pembaca dengan kepelbagaian maklumat pasaran buruh yang merangkumi Penawaran Buruh, Permintaan Buruh dan Produktiviti Buruh. Istimewanya, dalam setiap edisi suku tahunan turut dimuatkan artikel yang mengetengahkan isu-isu terkini pasaran buruh melalui statistik, atau metodologi bagi memperkukuh statistik pasaran buruh.

Laporan ini akan menghuraikan perubahan tahun ke tahun selain perubahan jangka pendek dari suku sebelumnya bagi mengkaji kesan langsung daripada peristiwa terkini. Pengguna dinasihatkan untuk mentafsirkan perubahan suku tahunan dengan berhati-hati kerana statistik ini tidak dibuat pelarasan musim. LMR boleh digunakan oleh penggubal dasar, ahli akademik, ahli ekonomi, penyelidik dan pengguna lain dalam kajian berkaitan pasaran buruh. Diharapkan laporan ini dapat memenuhi keperluan terhadap statistik pasaran buruh yang semakin meningkat.

# ST4

**Suku Tahun Keempat 2021**

**MALAYSIAN BUREAU OF LABOUR STATISTICS**

Diterbitkan dan dicetak oleh:

**Jabatan Perangkaan Malaysia**

Blok C6, Kompleks C,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62514 Putrajaya,  
**MALAYSIA**

Tel. : 03-8885 7000  
Faks : 03-8888 9248  
Portal : <https://www.dosm.gov.my>  
Facebook / Twitter / Instagram : StatsMalaysia  
Emel / Email : info@dosm.gov.my (pertanyaan umum)  
data@dosm.gov.my (pertanyaan & permintaan data)

Diterbitkan pada 18 Februari 2022

**Hakcipta terpelihara.**

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia.

Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut: "Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia."

**eISSN 2735 – 0592**

# Kandungan

	<b>Muka Surat</b>
Glosari	ii
Akronim	iv
Infografik: Pasaran Buruh ST4 2021	v
<b>Sorotan Utama</b>	
1. <b>Pasaran Buruh Malaysia Memperoleh Semula Momentum Pada Suku Keempat 2021 Mencatatkan Penyertaan Buruh Yang Lebih Tinggi Manakala Permintaan Buruh Meningkatkan</b>	<b>3</b>
2. <b>Penawaran Buruh</b>	<b>6</b>
3. <b>Permintaan Buruh</b>	<b>16</b>
4. <b>Produktiviti Buruh</b>	<b>21</b>
5. <b>Usaha Pendigitalan Merangsang Peningkatan Pekerjaan Gig di Malaysia</b>	<b>24</b>
6. <b>Kesimpulan</b>	<b>26</b>
<b>Gambaran Situasi Pasaran Buruh 2021</b>	<b>27</b>
<b>Rencana:</b>	
Penilaian Awal Pemulihan Pasaran Buruh Mengikut Sektor Semasa Krisis COVID-19	<b>33</b>
<b>Jadual Ringkasan</b>	
<b>Jadual A:</b> Pasaran Buruh, Malaysia, ST1 2019 – ST4 2021	
<b>Jadual B:</b> Permintaan Buruh, Malaysia, ST1 2019 – ST4 2021	
<b>Jadual C:</b> Produktiviti Buruh, Malaysia, ST1 2019 – ST4 2021	

## Glosari

- Aktiviti ekonomi** : Merujuk kepada klasifikasi industri mengikut Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2018 Versi 1.0 kepada lima sektor utama iaitu Pertanian, Perlombongan & Pengkuarian, Pembuatan, Pembinaan dan Perkhidmatan. Manakala sektor Pembuatan dan Perkhidmatan dibahagikan kepada subsektor.
- Bekerja** : Penduduk yang bekerja sekurang-kurangnya sejam semasa minggu rujukan untuk mendapatkan upah, keuntungan atau keuntungan keluarga (sebagai majikan, pekerja, bekerja sendiri atau pekerja keluarga tanpa gaji). Mereka juga dianggap bekerja jika tidak bekerja semasa minggu rujukan disebabkan sakit, kecederaan, cuaca buruk, bercuti, pertelingkahan buruh dan sebab sebab sosial atau keagamaan tetapi mempunyai pekerjaan, ladang, perusahaan atau perusahaan keluarga lain untuk kembali bekerja dan tidak bekerja buat sementara waktu tetapi bergaji dan pasti akan dipanggil bekerja semula.
- Guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran** : Merujuk kepada mereka yang mempunyai pendidikan tertiar dan bekerja dalam kategori separuh mahir dan berkemahiran rendah.
- Guna tenaga tidak penuh berkaitan masa** : Merupakan kumpulan yang bekerja kurang daripada 30 jam semasa minggu rujukan disebabkan keadaan kerja yang tidak mencukupi dan berkeupayaan serta sanggup menerima tambahan bilangan jam bekerja.
- Jawatan** : Jumlah buruh yang diperlukan oleh pertubuhan untuk mengeluarkan barang dan perkhidmatan pada satu masa tertentu, merangkumi jawatan diisi dan kekosongan.
- Jawatan diisi** : Pekerja bergaji (sepenuh masa dan sambilan); tidak termasuk pemilik perseorangan dan rakan niaga, pekerja keluarga tanpa gaji dan pekerja yang bercuti tanpa gaji.
- Jumlah jam bekerja** : Agregat jam bekerja sebenar bagi tempoh satu suku tahunan ialah hasil darab pekerja dengan purata jam bekerja seminggu yang kemudiannya didarabkan dengan 13 minggu.
- Kadar pengangguran** : Perkadaran penduduk yang menganggur kepada jumlah penduduk di dalam tenaga buruh, dalam bentuk peratusan.
- Kategori kemahiran** : Untuk tujuan pelaporan, kategori pekerjaan di kelaskan kepada tiga tahap kemahiran mengikut Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia (MASCO) 2013 mengikut. Mahir - 1. Pengurus; 2. Profesional; 3. Juruteknik dan professional bersekutu; Separuh mahir - 4. Pekerja sokongan pengkeranian; 5. Pekerja perkhidmatan dan penjualan; 6. Pekerja mahir pertanian, perhutanan, dan perikanan; 7. Pekerja kemahiran dan pekerja pertukangan yang berkaitan; 8. Operator loji dan mesin serta pemasangan; Berkemahiran rendah - 9. Pekerjaan asas.

## Glosari

Kekosongan	: Jawatan yang wujud dan tersedia untuk diisi tetapi belum diisi. Majikan secara aktif cuba mendapatkan calon melalui proses mengiklankan kekosongan, mengeluarkan notis dan berdaftar dengan agensi pekerjaan serta menjalankan temuduga untuk memilih calon bagi mengisi kekosongan.
Kadar penyertaan tenaga buruh	: Perkadaran penduduk dalam tenaga buruh kepada penduduk dalam umur bekerja, dalam bentuk peratusan.
Luar tenaga buruh	: Penduduk yang tidak dikelaskan sebagai bekerja atau menganggur termasuk suri rumah, pelajar (termasuk mereka yang akan melanjutkan pelajaran), pesara, tidak berkeupayaan dan mereka yang tidak berminat untuk mencari pekerjaan.
Menganggur	: Mereka yang tidak bekerja semasa minggu rujukan tetapi berminat untuk bekerja dan sedang mencari pekerjaan. Dikelaskan kepada dua kumpulan iaitu penganggur aktif dan penganggur tidak aktif.
Nilai ditambah	: Perbezaan di antara output dan penggunaan perantaraan. Ia merupakan nilai ditambah barangan dan perkhidmatan dalam aktiviti ekonomi. Oleh itu, ia hampir menyamai dengan keuntungan perniagaan, gaji dan upah, susut nilai dan cukai tidak langsung; campur faedah yang dibayar dan tolak faedah yang diterima.
Nisbah guna tenaga kepada penduduk	: Perkadaran penduduk yang bekerja kepada jumlah penduduk dalam kumpulan umur bekerja, dalam bentuk peratusan.
Pencapaian pendidikan	: Merujuk kepada peringkat tertinggi seseorang itu telah menamatkan atau sedang mengikuti persekolahan di institusi pendidikan awam atau swasta yang menyediakan pendidikan rasmi.
Pewujudan jawatan	: Jawatan yang diwujudkan dalam sesebuah organisasi yang mana jawatan tersebut belum pernah tersedia sebelum ini, termasuk skim perkhidmatan yang baru digubal, jawatan yang diwujudkan untuk kenaikan pangkat pekerja sedia ada dan pertambahan bilangan jawatan daripada struktur sedia ada.
Produktiviti buruh	: Merujuk kepada kecekapan dan keberkesanan setiap pekerja untuk menjana nilai ditambah atau output keseluruhan. Ia dikira menggunakan nisbah nilai ditambah kepada jumlah jam bekerja atau pekerja mengikut sektor di Malaysia
Taraf pekerjaan	: Merujuk kepada kedudukan atau taraf seseorang yang bekerja di dalam pertubuhan atau organisasi di mana beliau bekerja dan disesuaikan berasaskan <i>International Classification of Status in Employment (ICSE-93)</i> .
Tenaga buruh	Penduduk dalam kumpulan umur bekerja (dalam tahun mengikut ulang tahun kelahiran yang lepas), sama ada bekerja atau menganggur, dalam minggu rujukan.
Umur bekerja	Penduduk yang berumur 15 hingga 64 tahun sama ada berada di dalam tenaga buruh atau di luar tenaga buruh.


**Akronim**

DOSM	:	Jabatan Perangkaan Malaysia
ILO	:	International Labour Organisation
IMF	:	International Monetary Fund
KDNK	:	Keluaran Dalam Negeri Kasar
KPTB	:	Kadar Penyertaan Tenaga Buruh
MASCO	:	Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia
MDEC	:	Malaysia Digital Economy Corporation
MSIC	:	Piawaian Pengelasan Industri Malaysia
PERKESO	:	Pertubuhan Keselamatan Sosial
PKP	:	Perintah Kawalan Pergerakan
PKPB	:	Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat
PKPD	:	Perintah Kawalan Pergerakan Diperketat
PKPP	:	Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan
PMKS	:	Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana
PPN	:	Pelan Pemulihan Negara
RM	:	Ringgit Malaysia
RMKe-12	:	Rancangan Malaysia Ke-12
ST	:	Suku Tahun
STB	:	Survei Guna Tenaga

# SOROTAN PASARAN BURUH SUKU KEEMPAT 2021

Pasaran buruh memperoleh semula momentum pada suku keempat 2021 mencatatkan penyertaan buruh yang lebih tinggi manakala permintaan buruh meningkat

**Penduduk bekerja** mencatatkan peningkatan tahun ke tahun sebanyak 1.8 peratus dengan pertambahan 279 ribu



**Pengangguran** menyusut ke kadar paling rendah sejak pandemik melanda



**Jumlah jam bekerja**  
meningkat 2.3 peratus tahun ke tahun



Suku	Jumlah (bilion)
ST4 2021	8.78 bilion
ST3 2021	8.21 bilion
ST4 2020	8.58 bilion

**Guna tenaga tidak penuh berkaitan masa**  
terus berkurang berikutan pembukaan semula lebih banyak aktiviti perniagaan

Suku	Kadar (%)
ST4 2021	1.9 peratus
ST3 2021	2.1 peratus
ST4 2020	2.4 peratus

**Guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran**  
menurun sedikit tetapi kekal melebihi 37 peratus

Suku	Kadar (%)
ST4 2021	37.5 peratus
ST3 2021	37.7 peratus
ST4 2020	37.4 peratus



**Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong**

## SOROTAN UTAMA

- Secara keseluruhan, pasaran buruh Malaysia memperoleh momentum ke arah pemulihan pada suku keempat 2021 dirangsang oleh pembukaan lebih banyak aktiviti ekonomi dan sosial. Guna tenaga terus meningkat dengan pertambahan permintaan buruh dan menyumbang kepada kadar pengangguran paling rendah sejak kehadiran pandemik di negara ini.
- Pada ST4 2021, bilangan penduduk bekerja mencatatkan peningkatan tahun ke tahun sebanyak 1.8 peratus merekodkan 15.44 juta orang dengan nisbah guna tenaga kepada penduduk naik kepada 65.7 peratus. Kadar pengangguran menyusut 0.5 mata peratus kepada 4.3 peratus mencatatkan kadar terendah sejak krisis kesihatan awam dengan bilangan penganggur berkurang sebanyak 66.3 ribu kepada 694.4 ribu orang.
- Hampir semua negeri telah beralih ke Fasa 4 Pelan Pemulihan Negara (PPN) pada ST4 2021 membolehkan lebih banyak perniagaan beroperasi dengan bilangan pekerja yang lebih ramai pada sesuatu masa manakala waktu perniagaan juga dilanjutkan. Oleh itu, bilangan penduduk bekerja yang bekerja kurang dari 30 jam seminggu menurun 26.2 peratus berbanding suku yang sama tahun sebelumnya merekodkan 393.8 ribu orang. Sehubungan itu, kadar guna tenaga tidak penuh berkaitan masa turun 0.5 mata peratus kepada 1.9 peratus. Sementara itu, guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran meningkat secara marginal kepada 37.5 peratus.
- Dari sudut permintaan buruh dalam sektor ekonomi, bilangan jawatan meningkat 0.9 peratus berbanding suku sama pada tahun sebelumnya merekodkan 8.531 juta jawatan pada ST4 2021. Jawatan diisi yang merangkumi 97.8 peratus dari keseluruhan jawatan naik 0.8 peratus tahun ke tahun merekodkan 8.347 juta. Dalam pada itu, bilangan kekosongan jawatan juga meningkat sebanyak 4.4 peratus berbanding suku yang sama tahun sebelumnya mencatatkan 183.6 ribu kekosongan jawatan pada suku tersebut.
- Dengan ekonomi Malaysia pulih kepada 3.6 peratus pada ST4 2021 manakala pekerja terus merekodkan pertumbuhan positif, produktiviti buruh per pekerja naik 1.7 peratus, mencatatkan RM24,006 per pekerja. Pada masa yang sama, jumlah jam bekerja bertambah 2.3 peratus kepada 8.78 bilion jam berikutan pembukaan lebih banyak perniagaan. Oleh itu, nilai ditambah per jam bekerja meningkat 1.3 peratus selepas penurunan bagi dua suku tahun yang lepas.
- Peralihan pekerjaan masa hadapan ke arah pendigitalan terus mendorong peningkatan dalam aturan kerja yang lebih fleksibel yang dikenali sebagai pekerjaan gig. Walaupun konsep dan definisi ekonomi digital telah dipersetujui, masih belum wujud satu definisi standard di peringkat global bagi pekerjaan gig. Mengambil kira kriteria kemasukan minimum, penyertaan dalam pekerjaan platform digital memberikan penyelesaian sementara untuk menjana pendapatan berikutan kehilangan pekerjaan dan kesukaran untuk mendapatkan pekerjaan lain dengan gaji yang sama atau lebih tinggi. Di sebalik pelbagai fleksibiliti, penglibatan dalam jenis pekerjaan ini tertakluk kepada kekurangan dari segi jaringan keselamatan sosial. Dengan undang-undang dan hak pekerja yang lebih baik dalam melindungi pekerja gig, pekerjaan ini dapat menarik penglibatan mereka yang berkemahiran tinggi dan menjadi pekerjaan pilihan yang mampan serta menguntungkan pada masa hadapan.
- Memasuki tahun 2022, semua negeri telah beralih ke Fasa 4 PPN. Walau bagaimanapun, bilangan kes harian COVID-19 melonjak semula pada bulan Februari sehingga mencapai lima digit setiap hari. Berbanding pelaksanaan sekatan menyeluruh, mekanisme yang lebih bersasar dirangka bagi mengawal situasi. Individu, komuniti dan perniagaan digesa untuk terus mengamalkan tanggungjawab sendiri bagi memastikan perlindungan daripada virus. Fokus berterusan ke arah menstabilkan krisis kesihatan awam serta pelanjutan pelaksanaan pelbagai inisiatif dalam memastikan kesinambungan dan kelestarian ekonomi dan pasaran buruh dijangka akan menjamin laluan pemulihan beransur-ansur pasaran buruh pada suku akan datang, tertakluk kepada ancaman varian COVID-19 yang lebih berbahaya.


**Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong**

## 1. Pasaran Buruh Malaysia Memperoleh Semula Momentum Pada Suku Keempat 2021 Mencatatkan Penyertaan Buruh Yang Lebih Tinggi Manakala Permintaan Buruh Meningkat

Krisis kesihatan awam luar jangka yang dihadapi oleh komuniti global pada 2020 telah berlarutan sehingga 2021 dan secara tidak langsung menjadi cabaran ke arah pelaksanaan strategi dan inisiatif yang dirangka oleh negara dalam pemulihan kedudukan ekonomi dan sosial. Memandangkan Malaysia juga tidak terkecuali dari situasi yang mencabar ini, pelbagai pendekatan telah diambil sepanjang tahun untuk melindungi nyawa, mengurangkan beban sistem kesihatan awam dan menjamin kesejahteraan negara.

Pada suku pertama (ST1) 2021, bilangan jangkitan harian COVID-19 yang tinggi secara berterusan telah mendorong kepada pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0 sejak 13 Januari 2021. Usaha membendung pandemik pada suku pertama (ST1) 2021 menyaksikan mekanisme yang sistematik dan bersasar bagi meratakan gelombang jangkitan berbeza berbanding usaha peringkat awal pada bulan Mac 2020 melalui pelaksanaan PKP di seluruh negara melibatkan sekatan aktiviti ekonomi dan sosial tidak penting. Berikutan itu, PKP, PKP Bersyarat (PKPB) dan PKP Diperketatkan (PKPD) telah dilaksanakan bergantung kepada risiko jangkitan di negeri, kawasan dan lokaliti di seluruh negara. Kebenaran untuk beroperasi pada permulaan suku ini hanya diberikan kepada lima sektor penting dengan tambahan sekatan dan prosedur operasi standard (SOP) pada bulan Januari. Selanjutnya, Tahun Baru Cina disambut secara sederhana pada bulan Februari yang mana bilangan tetamu untuk tradisi makan besar dihadkan kepada maksimum 15 orang bagi setiap isi rumah memandangkan larangan rentas negeri masih diteruskan. Namun, berikutan keadaan kesihatan awam pada bulan Mac yang bertambah baik, prasekolah dan sekolah rendah telah dibuka semula manakala acara sosial dibenarkan di kawasan PKPB dengan bilangan tetamu yang terhad mengikut SOP yang ditetapkan. Sementara itu, Malaysia melancarkan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) pada suku tersebut dengan matlamat untuk memastikan sekurang-kurangnya 80 peratus penduduk dewasa Malaysia menerima vaksin menjelang bulan Februari 2022 bagi mengurangkan jangkitan, kemasukan ke hospital dan kematian. Sehubungan itu, ekonomi mengalami penurunan marginal 0.5 peratus pada ST1 2021 berbanding kejatuhan lebih besar 3.4 peratus pada suku sebelumnya. Ketidaktentuan pemulihan pasaran buruh negara disaksikan pada ST1 2021 berikutan pelaksanaan langkah kawalan kesihatan dengan guna tenaga mencatatkan pengurangan kecil tahun ke tahun sementara pengangguran kekal tinggi dan permintaan buruh oleh sektor ekonomi berada di paras sebelum krisis [Carta 1].

**Carta 1:** Peratus perubahan bagi guna tenaga, pengangguran dan keluaran dalam negeri kasar (KDNK) dari suku yang sama tahun sebelumnya (%).



**Sumber:** Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia, ST4 2021 & Akaun Negara ST4 2021, DOSM

Memasuki suku kedua (ST2) 2021, kebanyakan negeri telah beralih kepada PKP Pemulihan (PKPP) pada bulan April. Susulan pembukaan semula aktiviti sosial dan ekonomi, sektor pendidikan rendah dibenarkan beroperasi semula pada bulan tersebut manakala bazar, pasar malam serta perkhidmatan bufet di restoran dan hotel juga dibenarkan sempena bulan Ramadan. Walaupun sekatan rentas negeri dan daerah masih diteruskan, perkembangan positif dapat dilihat sehingga awal bulan Mei dengan peningkatan aktiviti pengguna bagi persediaan menyambut perayaan Aidilfitri. Walau bagaimanapun, lonjakan kes jangkitan harian COVID-19 ke paras yang tinggi iaitu 6,000 kes dan peningkatan jumlah kematian menyebabkan PKP dilaksanakan semula pada 3 Mei diikuti PKP Penuh yang bermula dari 1 Jun 2021. Pelaksanaan PKP Penuh ini melibatkan penutupan menyeluruh aktiviti ekonomi dan sosial dengan kebenaran beroperasi hanya diberikan kepada sektor penting iaitu makanan dan minuman, utiliti, keselamatan, penjagaan kesihatan, pengangkutan, perbankan, komunikasi dan aktiviti pembinaan perlu; dengan maksimum 60 orang pekerja dibenarkan berada di premis. Berbanding asas yang rendah disebabkan oleh PKP dan PKPB pada hampir keseluruhan suku yang sama tahun 2020, ekonomi pada ST2 2021 mencatatkan pertumbuhan dua digit sebanyak 16.1 peratus. Namun, nilai Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) kekal rendah berbanding tempoh sebelum pandemik pada suku keempat 2019. Demikian juga, walaupun dengan kedudukan pasaran buruh yang lebih baik ditunjukkan berikutan asas yang rendah pada suku yang sama tahun sebelumnya, perbandingan suku tahunan menyaksikan permintaan buruh dan penduduk bekerja yang lebih rendah sementara pengangguran kekal tinggi.

Seterusnya, permulaan suku ketiga (ST3) 2021 menyaksikan pelaksanaan Pelan Pemulihan Negara (PPN) yang komprehensif dan dinamik merangkumi empat fasa dengan perincian strategi ke arah jalan keluar yang sistematik dan selamat dari krisis COVID-19 dan pembukaan semula aktiviti sosial dan ekonomi secara progresif dalam norma baharu. Selepas peralihan seluruh negara ke Fasa 1 PPN pada bulan Julai, lapan negeri telah beralih ke Fasa 2 berikutan pengurangan jumlah kes harian, kemasukan ke hospital dan ICU serta peningkatan kadar vaksinasi di negeri berkaitan. Kebanyakan negeri beralih ke fasa selanjutnya dalam PPN sepanjang ST3 2021 berikutan usaha vaksinasi yang pantas. Dalam pada itu, Terengganu telah memulakan langkah pembukaan semula sektor pelancongan pada bulan September diikuti oleh Langkawi. Oleh itu, lebih banyak aktiviti ekonomi dan sosial dibuka semula secara beransur-ansur pada suku tersebut diikuti dengan pelonggaran sekatan tertentu. Walau bagaimanapun, Selangor dan W.P Kuala Lumpur yang menyumbang purata sekitar 30 peratus daripada guna tenaga negara dan 40 peratus daripada KDNK hanya beralih ke Fasa 2 pada 10 September; justeru masih tertakluk kepada pelbagai sekatan terutamanya dari segi sosial. Sementara itu, larangan rentas negeri masih diteruskan pada suku ini dengan pengecualian tertentu bagi individu yang telah lengkap vaksinasi. Berdasarkan keadaan sosioekonomi pada suku tersebut, KDNK jatuh sebanyak 4.5 peratus daripada suku yang sama tahun 2020. Dalam tempoh yang sama, guna tenaga meningkat pada kadar yang sederhana manakala pengangguran tidak berubah susulan penurunan berterusan permintaan buruh oleh sektor ekonomi.

Beralih pada suku keempat (ST4) 2021, kadar vaksinasi keseluruhan penduduk Malaysia telah mencapai 74.9 peratus pada bulan Oktober 2021<sup>1</sup> dan kadar vaksinasi dewasa ialah 95.5 peratus. Bilangan kes harian COVID-19 juga telah berkurang kepada empat digit berbanding purata harian lima digit pada bulan September. Berikutan itu, Sembilan negeri telah beralih ke Fasa 4 PPN pada bulan Oktober 2021, membolehkan lebih banyak aktiviti ekonomi dan sosial disambung semula. Pada suku ini, pusat spa, kesihatan dan urutan kesihatan dibenarkan beroperasi melalui janji temu bagi individu yang telah menerima vaksinasi lengkap. Pada masa yang sama, sekolah dan institusi pendidikan di bawah bidang kuasa Kementerian Pendidikan dibuka dengan

<sup>1</sup> <https://covid-19.moh.gov.my/terkini/2021/10/situasi-terkini-covid-19-di-malaysia-sehingga-31102021>

kemasukan pelajar secara berperingkat. Penantian umum yang berakhir dengan kebenaran aktiviti rentas negeri serta penganjuran acara sosial dan rekreasi seperti majlis perkahwinan, perjumpaan dan perhimpunan lain telah merangsang peningkatan aktiviti pelancongan domestik. Sepanjang ST4 2021, lebih banyak negeri telah beralih ke Fasa 4 kecuali Kelantan dan Sarawak yang kemudiannya beralih ke fasa tersebut berkuatkuasa pada 3 Januari 2022. Senario positif ini dilihat dapat menggalakkan lebih banyak permintaan dalam ekonomi sekaligus menyumbang kepada pemulihan ekonomi sebanyak 3.6 peratus selepas penyusutan pada suku terdahulu. Justeru, pasaran buruh negara telah memperoleh momentum ke arah pemulihan sepanjang suku ini dengan pertambahan berterusan guna tenaga. Peningkatan permintaan buruh turut menyebabkan pengurangan pengangguran kepada kadar paling rendah sejak pandemik di negara ini.

Berikutan hasrat Malaysia dan komuniti global untuk mengatasi krisis kesihatan ini, ketidaktentuan situasi COVID-19 menjadi cabaran kepada pasaran buruh yang mulai pulih secara beransur-ansur sejak suku sebelumnya dengan sokongan peralihan ke PPN. Penemuan varian Omicron telah menengguhkan rancangan awal untuk memasuki fasa endemik mengambil kira keupayaan varian ini merebak pantas dalam komuniti. Tidak dinafikan, negara lebih bersedia untuk menangani lonjakan kes COVID-19 mengambil kira liputan tinggi vaksinasi penduduk. Tambahan pula, pemberian dos vaksin penggalak diperkenalkan mulai 13 Oktober 2021 untuk memastikan perlindungan optimum terhadap COVID-19. Sehingga kini, sebanyak 13.6 juta suntikan dos penggalak telah diberikan di seluruh negara<sup>2</sup>. Sementara itu, selaras dengan norma baharu, masyarakat digesa untuk mengamalkan kawalan sendiri dan tanggungjawab pematuhan kepada pelbagai SOP demi melindungi golongan rentan.

Secara keseluruhannya, walaupun pasaran buruh Malaysia mengukuh pada ST4 2021 berikutan pelaksanaan PPN, sokongan dan intervensi berterusan adalah penting bagi memastikan kelancaran momentum pemulihan pasaran buruh dapat dikekalkan. Pelaksanaan strategi dan inisiatif jangka pendek yang baik dalam Bajet 2022 diikuti dengan usaha jangka sederhana melalui Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) dapat menjamin pemulihan dan kestabilan pasaran buruh serta pertumbuhan ekonomi.

---

<sup>2</sup> Jumlah dos penggalak sehingga 17 Februari 2022 : <https://covidnow.moh.gov.my/vaccinations>


## 2. Penawaran Buruh

Pada ST4 2021, sekatan ekonomi dan sosial telah ditarik semula secara beransur-ansur selaras dengan peralihan lebih banyak negeri ke fasa PPN berikutan peningkatan kadar vaksinasi COVID-19. Oleh itu, kedudukan tenaga buruh di negara ini bertambah baik berbanding suku yang sama tahun pada 2020 dan suku sebelumnya.

Pada suku ini, bilangan penduduk bekerja mencatatkan peningkatan tahun ke tahun yang lebih besar sebanyak 1.8 peratus berbanding pertambahan 1.2 peratus pada suku sebelumnya. Dari segi bilangan, merekodkan pertambahan sebanyak 279 ribu orang menjadikan penduduk bekerja berjumlah 15.44 juta orang. Sementara itu, nisbah guna tenaga kepada penduduk yang mengukur keupayaan ekonomi mewujudkan pekerjaan naik 0.5 mata peratus tahun ke tahun kepada 65.7 peratus pada ST4 2021.

Perbandingan dengan suku sebelumnya menunjukkan bilangan penduduk bekerja meningkat sebanyak 1.1 peratus yang bersamaan dengan 165.8 ribu orang. Sehubungan itu, nisbah guna tenaga kepada penduduk juga naik 0.6 mata peratus pada ST4 2021 [Carta 2].

**Carta 2:** Penduduk bekerja & nisbah guna tenaga kepada penduduk, ST1 2019 – ST4 2021




**Sumber:** Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia, ST4 2021, DOSM

Dari segi tahap kemahiran penduduk bekerja pada ST4 2021, peningkatan penduduk bekerja tahun ke tahun dilihat dalam kategori pekerjaan separuh mahir dan berkemahiran rendah manakala kategori mahir terus merekodkan pengurangan sejak ST3 2021.

Penduduk bekerja dalam kategori separuh mahir mencatatkan sumbangan terbesar sebanyak 59.9 peratus. Bilangan penduduk bekerja dalam kategori ini melonjak 4.3 peratus (+382.2 ribu) kepada 9.24 juta orang, sebahagian besarnya sebagai Pekerja sokongan perkeranian. Sementara itu, kategori berkemahiran rendah yang merangkumi 12.3 peratus penduduk bekerja meningkat 9.2 peratus (+159.6 ribu) kepada 1.90 juta orang. Penduduk bekerja dalam kategori mahir yang merangkumi komposisi 27.8 peratus turun 5.8 peratus (-262.8 ribu) berbanding suku yang sama tahun sebelumnya kepada 4.30 juta orang.

Perbandingan suku tahunan, penduduk bekerja dalam ketiga-tiga kategori kemahiran meningkat berbanding suku sebelumnya. Kategori separuh mahir mencatatkan pertambahan terbesar dari segi bilangan iaitu sebanyak 99.1 ribu (1.1%), diikuti kategori mahir dengan kenaikan 38.9 ribu (0.9%) penduduk bekerja pada ST4 2021. Penduduk bekerja dalam kategori berkemahiran rendah turut meningkat sebanyak 27.8 ribu (1.5%) [Carta 3].

**Carta 3: Penduduk bekerja mengikut tahap kemahiran, ST1 2019 – ST4 2021**

Sumber: Laporan Survei tenaga Buruh, Malaysia, ST4 2021, DOSM


Mengikut taraf pekerjaan, mereka yang bekerja sendiri melonjak 8.7 peratus (+212 ribu) kepada 2.65 juta orang berikutan kelonggaran pelbagai SOP secara beransur-ansur pada suku tersebut. Penduduk bekerja dalam kategori ini yang lazimnya terlibat dalam pelbagai bentuk pekerjaan meliputi pekerjaan tradisional sebagai pekebun, peruncit dan penjaja serta pekerjaan profesional seperti perunding dan *freelancer*, meliputi komposisi sebanyak 17.2 peratus.

Sementara itu, kategori yang meliputi pekerja bergaji dalam sektor awam dan swasta mewakili peratusan terbesar penduduk bekerja. Pada ST4 2021, kumpulan ini yang merangkumi 76.2 peratus naik 0.6 peratus atau bertambah 68.5 ribu penduduk bekerja merekodkan 11.77 juta orang. Di samping itu, kategori majikan yang meliputi 3.2 peratus penduduk bekerja mencatatkan peningkatan kecil 0.4 peratus (+1.8 ribu), sekali gus menyumbang 486.9 ribu orang.

Sebaliknya, kategori pekerja keluarga tanpa gaji yang merangkumi sumbangan sebanyak 3.4 peratus daripada penduduk bekerja, kekal dalam trend menurun sejak ST4 2020. Kategori ini mencatatkan pengurangan 0.6 peratus (-3.3 ribu) merekodkan 529.9 ribu orang pada ST4 2021.

Perbandingan dengan ST3 2021, pemulihan lebih banyak aktiviti ekonomi dan sosial pada ST4 2021 digambarkan melalui perubahan positif suku tahunan bagi semua taraf pekerjaan. Kedua-dua kategori majikan dan pekerja terus meningkat dari suku sebelumnya. Selain itu, dapat diperhatikan mereka yang berada dalam segmen pekerjaan yang mudah terjejas telah menunjukkan tanda-tanda pemulihan. Malahan kumpulan bekerja sendiri berada di kedudukan kedua dari segi sumbangan kepada pertumbuhan selepas peningkatan dalam kategori pekerja, dengan tambahan sebanyak 69.9 ribu orang (2.7%) manakala pekerja keluarga tanpa gaji meningkat 1.2 peratus (+6.1 ribu) [Carta 4].

**Carta 4 :** Penduduk bekerja mengikut pencapaian pendidikan, ST1 2019 – ST4 2021




Sumber: Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia, ST4 2021, DOSM

Melihat kepada pecahan penduduk bekerja mengikut pencapaian pendidikan, lebih separuh berpendidikan menengah dengan sumbangan 55.9 peratus pada ST4 2021. Kategori tersebut mencatatkan pertumbuhan 5.4 peratus (+439 ribu) merekodkan 8.63 juta orang berbanding suku yang sama tahun sebelumnya. Satu lagi kategori pencapaian pendidikan yang menyaksikan peningkatan penduduk bekerja adalah tiada pendidikan rasmi yang meningkat 61.7 peratus (+209.5 ribu). Pada suku tersebut, kategori ini menyumbang 3.6 peratus atau 549.3 ribu orang. Sebaliknya, penduduk bekerja berpendidikan tertiar yang terdiri daripada 31.8 peratus turun 2.9 peratus (-144.7 ribu) kepada 4.91 juta orang. Mereka yang berpendidikan rendah kekal dalam trend menurun sepanjang suku tahun 2021 dengan pengurangan sebanyak 14.3 peratus(-224.8 ribu) pada ST4 2021. Kategori ini merangkumi sumbangan 8.8 peratus daripada jumlah penduduk bekerja bersamaan dengan 1.35 juta orang.

Peningkatan penduduk bekerja berbanding suku sebelumnya disumbangkan oleh penduduk bekerja yang berpendidikan rendah dan menengah. Sebaliknya, bilangan penduduk bekerja yang berpendidikan tertiar dan tiada pendidikan rasmi berkurangan berbanding ST3 2021 [Carta 5].


**Carta 5:** Penduduk bekerja mengikut pencapaian pendidikan, ST4 2020, ST3 2021 & ST4 2021



Sumber: Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia, ST4 2021, DOSM

Pada ST4 2021, hampir semua negeri telah beralih ke Fasa 4 PPN yang membolehkan lebih banyak perniagaan beroperasi dengan bilangan pekerja yang lebih tinggi pada sesuatu masa sementara waktu perniagaan juga dilanjutkan. Oleh itu, bilangan penduduk yang bekerja kurang dari 30 jam seminggu menurun 26.2 peratus (-139.9 ribu) berbanding suku yang sama tahun sebelumnya merekodkan 393.8 ribu orang. Mereka yang bekerja kurang dari 30 jam seminggu meliputi 2.6 peratus daripada jumlah penduduk bekerja, turun 0.9 mata peratus dari ST4 2020. Trend yang sama diperhatikan berdasarkan perbandingan suku tahunan yang mana bilangan dalam kumpulan ini menurun 15.2 peratus (-70.8 ribu) dari ST3 2021 [Carta 6].


**Carta 6:** Penduduk bekerja kurang dari 30 jam, ST1 2019 – ST4 2021



Sumber: Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia ST4 2021, DOSM

Oleh itu, kadar guna tenaga tidak penuh berkaitan masa<sup>3</sup> turun 0.5 mata peratus kepada 1.9 peratus. Dari segi bilangan, guna tenaga tidak penuh berkaitan masa berkurang 20.6 peratus (-76.0 ribu) kepada 293.1 ribu orang. Bilangan dan kadar juga menurun dari suku sebelumnya, masing-masing merekodkan pengurangan 33.0 ribu (-10.1%) dan 0.2 mata peratus [Carta 7].


**Carta 7:** Guna tenaga tidak penuh berkaitan masa, ST1 2019 – ST4 2021



Survei Tenaga Buruh, Malaysia, ST4 2021, DOSM

Melihat kepada kedudukan guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran<sup>4</sup>, bilangan penduduk bekerja yang berpendidikan tertiar namun bekerja dalam pekerjaan separuh mahir dan berkemahiran rendah turun buat pertama kalinya sejak 2019 sebanyak 2.6 peratus (-48.4 ribu) merekodkan 1.84 juta orang. Walau bagaimanapun, sumbangan penduduk bekerja dalam kategori ini mencatatkan peningkatan marginal 0.1 mata peratus kepada 37.5 peratus. Perbandingan dengan ST3 2021 juga mendapati mereka yang berada dalam guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran turun 1.9 peratus (-35.5 ribu) sementara sumbangannya berkurangan 0.2 mata peratus. Walaupun terdapat pengurangan kecil dalam bilangan, hakikatnya lebih dari satu per tiga daripada penduduk bekerja berpendidikan tertiar lazimnya bekerja dalam pekerjaan separuh mahir dan berkemahiran rendah [Carta 8].

**Carta 8:** Guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran, ST1 2019 – ST4 2021



Sumber: Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia, ST4 2021, DOSM


<sup>3</sup> Guna tenaga tidak penuh berkaitan masa didefinisikan sebagai mereka yang bekerja kurang dari 30 jam seminggu disebabkan bentuk kerja atau disebabkan oleh kekurangan kerja; serta sanggup dan boleh menerima tambahan bilangan jam bekerja.

<sup>4</sup> Guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran secara umumnya didefinisikan sebagai mereka yang ingin menukar situasi pekerjaan semasa bagi menggunakan sepenuhnya kemahiran pekerjaan mereka.

Setelah menghadapi cabaran berterusan dalam kedudukan pengangguran sejak ST2 2020, kadar pengangguran negara susut 0.5 mata peratus kepada 4.3 peratus mencatatkan kadar paling rendah sejak krisis kesihatan awam. Bilangan penganggur berkurang 66.3 ribu (-8.7%) kepada 694.4 ribu orang pada ST4 2020. Ini merupakan kali pertama pengangguran mencatatkan bilangan kurang daripada 700 ribu sejak pandemik. Selari dengan senario pengangguran keseluruhan, kadar pengangguran belia berumur 15 hingga 24 tahun juga merekodkan penurunan ketara 1.1 mata peratus berbanding ST4 2020 kepada 11.7 peratus.

Perbandingan suku tahunan juga menunjukkan kedudukan pengangguran dalam trend menurun sepanjang tiga suku tahunan berturut-turut sejak ST2 2021. Pada ST4 2021, kadar pengangguran berkurangan 0.4 mata peratus berbanding ST3 2021 manakala bilangan penganggur turun 51.8 ribu (-6.9%) [Carta 9].


**Carta 9:** Penganggur dan kadar pengangguran, ST1 2019 – ST4 2021



Sumber: Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia, ST4 2021, DOSM

Sumbangan terbesar penganggur adalah mereka yang aktif mencari pekerjaan. Pada ST4 2021, penganggur aktif merangkumi 88.0 peratus atau bersamaan dengan 611.0 ribu orang. Sejarai dengan penurunan penganggur, bilangan dalam kategori ini turun 3.7 peratus (-23.5 ribu) dari suku yang sama tahun sebelumnya sementara bilangan penganggur tidak aktif berkurangan 33.9 peratus (-42.8 ribu) kepada 83.4 ribu orang [Carta 10].


**Carta 10:** Sumbangan peratus bagi penganggur aktif dan tidak aktif, ST1 2019 – ST4 2021



Sumber: Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia, ST4 2021, DOSM

Dari segi tempoh pengangguran, lebih separuh (57.9%) menganggur kurang dari tiga bulan. Kategori ini mencatatkan peningkatan 67.7 ribu orang (23.7%) kepada 353.5 ribu orang, manakala tempoh menganggur lain menunjukkan penurunan. Sementara itu, pengangguran jangka panjang<sup>5</sup> yang merangkumi 7.4 peratus atau bersamaan dengan 45.2 ribu orang turun 32.5 peratus (-21.8 ribu orang) [Carta 11].


**Chart 11:** Penganggur aktif mengikut tempoh menganggur, ST4 2020, ST3 2021 & ST4 2021



Sumber: Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia, ST4 2021, DOSM

Memandangkan pertambahan penduduk bekerja lebih besar dari pengurangan penganggur, bilangan tenaga buruh meningkat 1.3 peratus (+212.7 ribu) kepada 16.14 juta orang. Oleh itu, kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) naik 0.2 mata peratus kepada 68.7 peratus. Dalam pada itu, berbanding suku sebelumnya, bilangan tenaga buruh juga meningkat 0.7 peratus (+114.0 ribu) manakala KPTB naik 0.4 mata peratus [Carta 12].

**Carta 12:** Tenaga buruh, luar tenaga buruh dan KPTB, ST1 2019 – ST4 2021



Sumber: Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia, ST4 2021, DOSM

<sup>5</sup> Pengangguran jangka panjang ditakrifkan sebagai mereka yang menganggur selama lebih dari satu tahun

Bagi kumpulan tidak aktif, ST4 2021 menyaksikan bilangan luar tenaga buruh naik 0.6 peratus (+43.1 ribu) merekodkan 7.36 juta orang. Walaupun bilangan tersebut terus mencatatkan peningkatan tahun ke tahun, pertumbuhannya adalah lebih perlahan berbanding 1.4 peratus yang dicatatkan pada suku sebelumnya. Sebaliknya, kumpulan tidak aktif ini merosot 0.9 peratus (-68.6 ribu) dari suku sebelumnya menunjukkan lebih ramai orang memasuki tenaga buruh.

Sumbangan terbesar luar tenaga buruh iaitu 42.2 peratus adalah disebabkan masih bersekolah atau menyertai program latihan. Kumpulan ini yang berpotensi memasuki pasaran buruh mencatatkan peningkatan marginal 0.03 peratus (+0.9 ribu) kepada 3.11 juta orang. Di samping itu, sumbangan luar tenaga buruh disebabkan kerja rumah atau tanggungjawab keluarga berada di kedudukan kedua pada 40.5 peratus atau 2.98 juta orang. Bilangan dalam kategori ini berkurang sebanyak 4.0 peratus (-125.4 ribu) berbanding ST4 2020 [Paparan 1].


### Paparan 1: Luar tenaga buruh mengikut sebab tidak mencari kerja, ST4 2020, ST3 2021 & ST4 2021

	ST4 2021 Orang ('000) (Sumbangan Peratus)	Peratus perubahan (tahun-ke-tahun)		ST4 2020: (Peratus)	ST3 2021: (Peratus)
		Peratus perubahan (tahun-ke-tahun)	Peratus perubahan (Suku-ke-suku)		
Bersekolah/ program latihan 	3,106 (42.2%)	▲ 0.03%	▲ 0.8%	3,105 (42.4%)	3,083 (41.5%)
Kerja rumah 	2,982 (40.5%)	▼ -4.0%	▼ -8.9%	3,108 (42.5%)	3,274 (44.1%)
Melanjutkan pelajaran 	257 (3.5%)	▲ 72.7%	▲ 61.5%	149 (2.0%)	159 (2.1%)
Kurang Upaya 	185 (2.5%)	▲ 9.2%	▲ 48.2%	170 (2.3%)	125 (1.7%)
Tidak berminat/ baru tamat pengajian 	172 (2.3%)	▲ 35.4%	▼ -33.2%	127 (1.7%)	258 (3.5%)
Bersara 	659 (8.9%)	▼ -0.2%	▲ 23.9%	660 (9.0%)	532 (7.2%)

Sumber: Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia, ST4 2021, DOSM

Berhubung kedudukan tenaga buruh di peringkat negeri, tujuh negeri mencatatkan KPTB lebih tinggi daripada kadar nasional (68.7%) iaitu W.P. Kuala Lumpur (74.7%), Selangor (74.1%), Pulau Pinang (72.1%), W.P. Putrajaya (70.9%), Sarawak (70.5%), Johor (69.5%) dan Melaka (69.4%). Memandangkan kebanyakan negeri ini merupakan penyumbang utama kepada ekonomi negara maka penyertaan tenaga buruh yang lebih tinggi direkodkan. Pada ST4 2021, semua negeri mencatatkan peningkatan dalam KPTB kecuali Selangor dan Terengganu [Carta 13].


**Carta 13:** KPTB dan perubahan tahunan KPTB mengikut negeri , ST4 2021



Sumber: Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia, ST4 2021, DOSM

Selaras dengan trend KPTB mengikut negeri, Selangor dan Terengganu merupakan dua negeri yang mengalami pengurangan penduduk bekerja. Selangor yang memiliki hampir satu per empat (23.0 %) guna tenaga negara mengalami penurunan tahun ke tahun sebanyak 4.1 peratus (-153.7 ribu) kepada 3.55 juta orang selepas pertumbuhan empat suku berturut-turut sejak ST4 2020. Pada masa yang sama, Terengganu mencatatkan pengurangan 0.3 peratus (1.5 ribu) merekodkan 464.7 ribu penduduk bekerja. Sebaliknya, Sarawak dengan 1.38 juta penduduk bekerja mencatatkan peningkatan terbesar sebanyak 90.7 ribu (7.0 %) [Carta 14].

**Carta 14:** Penduduk bekerja, perbezaan tahunan & peratusan perubahan tahunan penduduk bekerja mengikut negeri, ST4 2021



Sumber: Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia, ST4 2021, DOSM

Bagi pengangguran, W.P. Putrajaya terus merekodkan kadar paling rendah 1.6 peratus manakala Selangor mencatatkan sebanyak 2.9 peratus pada ST4 2021. Enam negeri merekodkan kadar pengangguran di bawah 4.0 peratus, antara 3.1 peratus hingga 3.8 peratus iaitu Melaka, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Pahang, Johor dan Kedah. Pada masa yang sama, kadar pengangguran tertinggi pada 9.0 peratus adalah di Sabah diikuti W.P. Labuan dengan 7.6 peratus.

Sembilan negeri merekodkan bilangan penganggur yang lebih rendah pada ST4 2021 berbanding suku yang sama pada 2020. Selangor mengalami pengurangan terbesar penganggur (-69.6 ribu) memandangkan saiz tenaga buruh di negeri itu juga adalah yang tertinggi. Walaupun dengan penurunan tahun ke tahun dalam kadar pengangguran negara, peningkatan pengangguran dapat dilihat di tujuh negeri. Sabah dan Kelantan merupakan antara negeri yang merekodkan pertambahan penganggur masing-masing sebanyak 17.5 ribu dan 7.6 ribu [**Jadual 1**].

**Jadual 1:** Kadar pengangguran, bilangan, perbezaan tahunan & peratus perubahan tahunan penganggur mengikut negeri, ST4 2021

Negeri	Kadar Pengangguran (%)	Penganggur		
		Orang ('000)	Perbezaan tahunan ('000)	Peratusan perubahan tahunan (%)
Sabah	9.0	184.2	17.5	10.5
W.P. Labuan	7.6	3.9	0.03	0.9
W.P. Kuala Lumpur	5.0	45.6	2.3	5.3
Kelantan	4.7	36.2	7.6	26.5
Perak	4.3	47.9	-5.0	-9.5
<b>Malaysia</b>	<b>4.3</b>	<b>694.4</b>	<b>-66.3</b>	<b>-8.7</b>
Perlis	4.2	4.9	-0.8	-14.2
Terengganu	4.1	19.9	0.8	3.9
Sarawak	4.0	57.6	-2.8	-4.6
Kedah	3.8	38.9	0.8	2.0
Johor	3.6	65.3	-6.7	-9.3
Pahang	3.3	24.2	0.5	2.2
Pulau Pinang	3.2	29.9	-3.7	-11.0
Negeri Sembilan	3.1	15.7	-5.1	-24.4
Melaka	3.1	14.2	-1.9	-11.9
Selangor	2.9	105.3	-69.6	-39.8
W.P. Putrajaya	1.6	0.6	-0.1	-20.4

**Sumber:** Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia, ST4 2021, DOSM

### 3. Permintaan Buruh

Permintaan buruh dalam sektor ekonomi meningkat buat pertama kali pada ST4 2021 selepas penurunan berterusan selama enam suku tahun sejak ST2 2020. Bilangan jawatan meningkat 0.9 peratus (+73.6 ribu) berbanding suku sama pada tahun sebelumnya merekodkan 8.531 juta jawatan. Perkembangan positif juga berlaku dalam jangka masa pendek, yang mana sektor ekonomi merekodkan pertambahan 125.1 ribu jawatan (1.5%) berbanding suku tahun sebelumnya

[Carta 15].

**Carta 15:** Jawatan, ST1 2019 – ST4 2021




**Sumber:** Statistik Guna Tenaga, Malaysia, ST4 2021, DOSM

Bilangan jawatan diisi meningkat 0.8 peratus (+65.9 ribu) tahun ke tahun merekodkan 8.347 juta jawatan diisi pada ST4 2021. Perbandingan suku tahunan menunjukkan peningkatan sebanyak 115.5 ribu jawatan (1.4%) direkodkan.

Berikutan pembukaan semula aktiviti ekonomi dan sosial pada ST4 2021, bilangan kekosongan jawatan juga meningkat sebanyak 4.4 peratus (7.7 ribu) berbanding suku yang sama tahun sebelumnya mencatatkan 183.6 ribu kekosongan jawatan pada ST4 2021. Pertambahan yang lebih besar iaitu sebanyak 5.5 peratus atau bersamaan dengan 9.6 ribu kekosongan jawatan telah direkodkan berbanding ST3 2021.

Melihat kepada perkadaran jawatan diisi dan kekosongan jawatan pada ST4 2021, kadar jawatan diisi turun secara marginal 0.1 mata peratus kepada 97.8 peratus selepas mencatatkan 97.9 peratus untuk lima suku berturut-turut sejak ST3 2020. Oleh itu, kadar kekosongan jawatan meningkat 0.1 mata peratus kepada 2.2 peratus [Carta 16].

**Carta 16: Jawatan diisi, kadar jawatan diisi & kadar kekosongan jawatan, ST1 2019 – ST4 2021**

Sumber: Statistik Guna Tenaga, Malaysia, ST4 2021, DOSM

Dari segi jawatan mengikut tahap kemahiran pada ST4 2021, bilangan jawatan bagi kategori mahir dan separuh mahir meningkat manakala kategori berkemahiran rendah mencatatkan penurunan berbanding suku sama tahun sebelumnya. Sementara itu, ketiga-tiga kategori kemahiran mencatatkan peningkatan berbanding suku tahun sebelumnya.

Kategori mahir meliputi 24.7 peratus jawatan pada ST4 2021, bersamaan 2.110 juta jawatan. Kategori ini yang merangkumi Pengurus; Profesional; dan Juruteknik dan profesional bersekutu meningkat sebanyak 2.1 peratus (+44.4 ribu) berbanding ST4 2020. Sejalan dengan itu, bilangan jawatan diisi bagi kategori mahir meningkat 2.1 peratus (+42.0 ribu) mencatatkan 2.067 juta jawatan diisi. Di samping itu, bilangan kekosongan jawatan mahir juga meningkat 5.9 peratus meliputi 42.9 ribu. Sehubungan itu, kadar jawatan diisi bagi kategori mahir adalah 98.0 peratus dengan kadar kekosongan jawatan sebanyak 2.0 peratus.

Majoriti jawatan berada dalam kategori separuh mahir, dengan komposisi 62.3 peratus pada ST4 2021. Pekerjaan dalam kategori ini ialah Pekerja sokongan perkeranian; Pekerja perkhidmatan dan jualan; Pekerja mahir pertanian, perhutanan, penternakan dan perikanan; Pekerja kemahiran dan pekerja pertukangan yang berkaitan; serta Operator mesin dan loji. Pada suku tahun tersebut, bilangan jawatan separuh mahir meningkat sebanyak 0.6 peratus (+33.0 ribu) berbanding ST4 2020 kepada 5.312 juta jawatan. Bilangan jawatan diisi bagi kategori separuh mahir meningkat 0.6 peratus tahun ke tahun kepada 5.209 juta jawatan merangkumi 98.1 peratus jawatan. Kekosongan jawatan bagi kategori ini juga bertambah sebanyak 4.5 ribu (+4.6%) merekodkan 102.7 ribu kekosongan jawatan pada ST4 2021 dengan kadar kekosongan jawatan sebanyak 1.9 peratus.

Pada masa yang sama, jawatan dalam kategori berkemahiran rendah yang meliputi 13.0 peratus menurun sebanyak 0.3 peratus tahun ke tahun kepada 1.109 juta jawatan pada ST4 2021. Jawatan diisi bagi kategori berkemahiran rendah merekodkan penurunan kecil iaitu 0.4 peratus kepada 1.071 juta mencatatkan kadar jawatan diisi 96.6 peratus. Sebaliknya, kekosongan jawatan bagi kategori berkemahiran rendah meningkat 2.3 peratus (+0.8 ribu) kepada 38.0 ribu dengan kadar kekosongan sebanyak 3.4 peratus [Carta 17].

**Carta 17:** Jawatan, jawatan diisi dan kekosongan mengikut tahap kemahiran, ST1 2019 – ST4 2021




Sumber: Statistik Guna Tenaga, Malaysia, ST4 2021, DOSM

Kebanyakan negeri telah beralih ke Fasa 4 PPN menjelang akhir tahun 2021 dan membolehkan pembukaan semula lebih banyak aktiviti ekonomi dan sosial sepanjang suku tahun tersebut. Peningkatan permintaan buruh dapat dilihat daripada bilangan pewujudan jawatan yang naik sebanyak 25.0 peratus kepada 20.9 ribu jawatan berbanding suku sama tahun lepas (ST4 2020: 16.7 ribu). Selain itu, bilangan pewujudan jawatan juga menunjukkan trend positif apabila bilangannya meningkat sebanyak 38.9 peratus berbanding suku tahun terdahulu. Jelas sekali, bilangan suku tahunan pewujudan jawatan pada 2021 masih belum kembali ke tahap sebelum krisis COVID-19 melanda pada 2019. Walau bagaimanapun, dapat diperhatikan trend peningkatan pewujudan jawatan [Carta 18].

**Carta 18:** Pewujudan jawatan ST1 2019 – ST4 2021

Sumber: Statistik Guna Tenaga, Malaysia, ST4 2021, DOSM

Pewujudan jawatan bagi ketiga-tiga kategori menunjukkan perubahan positif bagi perbandingan tahun ke tahun dan suku tahunan. Kategori separuh mahir yang memegang sumbangan terbesar sebanyak 64.4 peratus merangkumi 13.4 ribu pewujudan jawatan. Kategori mahir mewakili 28.6 peratus atau 6.0 ribu pewujudan jawatan pada ST4 2021 manakala 7.0 peratus atau 1.5 ribu pewujudan jawatan adalah dalam kategori berkemahiran rendah [Carta 19].

**Carta 19:** Pewujudan jawatan mengikut tahap kemahiran, ST1 2019 – ST4 2021

Sumber: Statistik Guna Tenaga, Malaysia, ST4 2021, DOSM

Pertumbuhan tahunan bagi jawatan pada ST4 2021 disumbang oleh sektor Perkhidmatan dan Pembuatan manakala sektor Pertanian, Pembinaan dan Perlombongan & Pengkuarian terus menyusut. Jawatan sektor Perkhidmatan yang meliputi lebih separuh daripada keseluruhan jawatan merangkumi 51.7 peratus pada ST4 2021. Sektor ini merekodkan pertambahan 45.9 ribu jawatan (1.1%) kepada 4.414 juta jawatan berikutan peningkatan jawatan dalam tiga sub-sektor iaitu Perdagangan borong & runcit; Pengangkutan dan penyimpanan; serta Maklumat dan komunikasi. Bagi sumbangan jawatan mengikut subsektor, Perdagangan borong & runcit dan Kewangan dan insurans, Hartanah dan perkhidmatan perniagaan merangkumi lebih separuh daripada keseluruhan jawatan dalam sektor Perkhidmatan masing-masing menyumbang sebanyak 36.3 peratus (1.602 juta jawatan) dan 20.5 peratus (904.7 ribu jawatan).

Daripada keseluruhan jawatan dalam sektor Perkhidmatan, jawatan diisi meliputi 99.4 peratus atau 4.386 juta jawatan. Kadar jawatan diisi dalam semua subsektor adalah lebih daripada 99.0 peratus. Subsektor Maklumat dan komunikasi mendahului dengan kadar 99.7 peratus diikuti Makanan & minuman dan penginapan dan Perkhidmatan lain yang mana kedua-duanya mencatatkan 99.6 peratus.


Kekosongan jawatan bagi sektor Perkhidmatan meningkat sebanyak 3.3 peratus kepada 27.9 ribu jawatan dengan kadar kekosongan jawatan 0.6 peratus. Kekosongan jawatan ini sebahagian besarnya tertumpu pada subsektor Perdagangan borong & runcit (38.9%); dan Kewangan, insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan (28.0%).

Sektor Pembuatan berada di tempat kedua dari segi sumbangan jawatan merekodkan 27.2 peratus atau 2.321 juta. Namun, jawatan sektor ini merekodkan peningkatan tahunan paling besar iaitu pertambahan sebanyak 64.3 ribu (2.8%) yang mana kesemua subsektor menunjukkan peningkatan. Tiga subsektor yang menyumbang hampir dua pertiga daripada jawatan dalam sektor Pembuatan ialah Produk elektrik, elektronik & optikal (26.8%), diikuti Produk petroleum, kimia, getah dan plastik (19.0%) dan Produk mineral bukan logam, logam asas dan produk logam yang direka (15.5%).

Secara keseluruhan, kadar jawatan diisi dalam sektor Pembuatan adalah 95.5 peratus. Kadar jawatan diisi tertinggi adalah bagi subsektor Produk tekstil, pakaian dan kulit (96.5%) diikuti oleh Produk mineral bukan logam, logam asas dan produk logam yang direka (96.1%). Dua subsektor menduduki tempat ketiga dengan 95.8 peratus iaitu Prosesan makanan, minuman dan produk tembakau; dan Produk kayu, perabot, keluaran kertas dan percetakan. Kekosongan jawatan dalam sektor Pembuatan meningkat 5.9 peratus berbanding suku tahun sama 2020 merekodkan 103.6 ribu jawatan. Sumbangan sebanyak 30.8 peratus tertumpu dalam subsektor Produk elektrik, elektronik dan optikal manakala 19.2 peratus lagi dalam subsektor Produk petroleum, kimia, getah dan plastik. Tiga subsektor teratas yang mencatatkan kadar kekosongan jawatan paling tinggi adalah Produk elektrik, elektrik dan optikal (5.1%), Produk petroleum, kimia, getah dan plastik (4.5%) dan Peralatan pengangkutan, pembuatan lain dan pembaikan (4.3%).

Sementara itu, jawatan dalam sektor Pembinaan yang meliputi 14.7 peratus merekodkan penurunan tahun ke tahun sebanyak 2.4 peratus dengan catatan 1.249 juta jawatan. Kadar jawatan diisi bagi sektor ini adalah 98.2 peratus manakala kadar kekosongan adalah 1.8 peratus. Selain itu, sumbangan jawatan dalam sektor Pertanian dan Perlombongan & pengkuarian masing-masing meliputi 5.5 peratus (468.4 ribu jawatan) dan 0.9 peratus (77.9 ribu jawatan). Kedua-dua sektor merekodkan penurunan dalam jawatan berbanding ST4 2020. Kadar jawatan diisi dalam sektor Pertanian adalah 93.6 peratus berbanding kadar kekosongan 6.4 peratus. Memandangkan sektor Perlombongan & pengkuarian merekodkan kadar jawatan diisi tertinggi pada 99.5 peratus, kadar kekosongan bagi sektor ini adalah paling rendah pada 0.5 peratus [Carta 20].

**Carta 20:** Jawatan, jawatan diisi, kekosongan mengikut aktiviti ekonomi, ST4 2021




Sumber: Statistik Guna Tenaga, Malaysia, ST4 2021, DOSM

## 4. Produktiviti Buruh

Seiring dengan peralihan hampir semua negeri ke Fasa 4 PPN pada ST4 2021, aktiviti ekonomi dan sosial dibuka secara berterusan. Kelonggaran SOP dan kebenaran untuk melancong dalam negara telah merangsang lebih banyak permintaan. Oleh itu, ekonomi Malaysia pulih kepada 3.6 peratus berbanding penyusutan 4.5 peratus pada suku tahun terdahulu. Pekerja terus menunjukkan pertumbuhan positif dengan peningkatan lebih tinggi 1.8 peratus tahun ke tahun merekodkan 15.44 juta orang. Prestasi produktiviti buruh dari segi nisbah nilai ditambah per pekerja meningkat 1.7 peratus pada ST4 2021 selepas merosot 5.6 peratus pada ST3 2021 mencatatkan nilai RM24,006 per pekerja pada suku tahun tersebut (ST3 2021: RM21,938 per pekerja) [**Carta 21**].


**Carta 21:** Produktiviti buruh per pekerja, ST1 2019 – ST4 2021



Sumber: Produktiviti Buruh, Malaysia, ST4 2021, DOSM

Mengambil kira peningkatan dalam permintaan buruh berikutan pembukaan lebih banyak perniagaan serta tempoh operasi yang lebih panjang, jumlah jam bekerja naik 2.3 peratus kepada 8.78 bilion jam (ST3 2021: 8.21 bilion jam). Oleh itu, produktiviti buruh yang diukur melalui nilai ditambah per jam bekerja meningkat 1.3 peratus selepas menunjukkan penurunan bagi dua suku tahun terdahulu. Dari segi nilai, produktiviti buruh per jam bekerja pada ST4 2021 adalah sebanyak RM 42.2 per jam (ST3 2021: RM 40.9 per jam) [**Carta 22**].

**Carta 22:** Produktiviti buruh per jam bekerja, ST1 2019 – ST4 2021



Sumber: Produktiviti Buruh, Malaysia, ST4 2021, DOSM

Perincian prestasi produktiviti buruh mengikut sektor ekonomi pada ST4 2021, kedua-dua pengukuran produktiviti buruh dalam sektor Pertanian, Pembuatan dan Perkhidmatan menunjukkan pertumbuhan positif manakala sektor Pembinaan dan Perlombongan & pengkuarian mencatatkan penurunan.

Produktiviti buruh per pekerja dalam sektor Pertanian meningkat 2.9 peratus tahun ke tahun selepas kejatuhan 2.6 peratus pada suku tahun sebelumnya. Begitu juga nilai ditambah per jam bekerja meningkat 1.7 peratus pada ST4 2021 daripada negatif 3.4 peratus pada suku tahun sebelumnya.

Sektor Pembuatan merekodkan peningkatan 5.3 peratus dalam produktiviti buruh per pekerja pada ST4 2021 selepas menguncup 3.5 peratus pada suku tahun sebelumnya. Peningkatan diperhatikan dalam kesemua subsektor kecuali Produk tekstil, pakaian dan kulit yang turun 2.1 peratus. Subsektor dengan pertumbuhan nilai ditambah per pekerja tertinggi adalah Produk elektrik, elektronik dan optikal pada 11.6 peratus. Sementara itu, nilai ditambah per jam bekerja dalam sektor Pembuatan mengukuh 4.6 peratus (ST3 2021: 2.3%) berikutan prestasi positif dalam kesemua subsektor. Produk elektrik, elektronik dan optikal turut merekodkan peningkatan nilai ditambah per jam bekerja tertinggi pada suku tahun ini iaitu 9.8 peratus.

Prestasi produktiviti buruh di sektor Perkhidmatan pulih selepas merekodkan penurunan bagi kedua-dua pengukuran produktiviti buruh per pekerja dan produktiviti buruh per jam bekerja pada ST3 2021. Nilai ditambah per pekerja mencatatkan peningkatan marginal sebanyak 1.0 peratus berbanding kejatuhan 6.2 peratus pada suku tahun sebelumnya. Produktiviti buruh yang diukur melalui nilai ditambah per jam bekerja meningkat 0.7 peratus berbanding negatif 1.8 peratus pada suku terdahulu. Subsektor Pengangkutan dan penyimpanan mencatatkan peningkatan tertinggi dalam kedua-dua pengukuran nilai ditambah per pekerja (12.1%) dan nilai ditambah per jam bekerja (9.4%). Pada masa yang sama, dua subsektor iaitu Perdagangan borong dan runcit dan Hartanah dan pekhidmatan perniagaan mengalami penurunan.

Sementara itu, produktiviti buruh per pekerja untuk sektor Perlombongan & pengkuarian merekodkan penurunan yang lebih besar iaitu 10.7 peratus (ST3 2021: -1.3%) manakala nilai ditambah per jam bekerja menurun sebanyak 9.3 peratus (ST3 2021: 4.1%). Di samping itu, sektor Pembinaan kekal menurun dengan merekodkan kejatuhan dua digit tahun ke tahun untuk kedua-dua pengukuran produktiviti buruh pada ST4 2021. Nilai ditambah per pekerja mencatatkan kadar penurunan yang lebih perlahan iaitu negatif 11.2 peratus berbanding kejatuhan 18.8 peratus pada ST3 2021. Nilai ditambah per jam bekerja terus berkurang sebanyak 11.0 peratus berbanding negatif 5.7 peratus pada suku tahun sebelumnya [**Jadual 2**].

**Jadual 2:** Produktiviti buruh, nilai ditambah, jumlah pekerja & jumlah jam bekerja, ST4 2021, Perubahan peratus mengikut suku tahun yang sama tahun sebelumnya (%)

Aktiviti Ekonomi	Produktiviti buruh per pekerja	Produktiviti buruh per jam bekerja	Nilai ditambah	Jumlah Pekerja	Jumlah jam bekerja
<b>Pertanian</b>	<b>2.9</b>	<b>1.7</b>	<b>2.8</b>	<b>-0.1</b>	<b>1.1</b>
<b>Perlombongan dan Pengkuarian</b>	<b>-10.7</b>	<b>-9.3</b>	<b>-0.9</b>	<b>11.0</b>	<b>9.3</b>
<b>Pembuatan</b>	<b>5.3</b>	<b>4.6</b>	<b>9.1</b>	<b>3.6</b>	<b>4.3</b>
Minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan dan prosesan makanan	4.8	3.5	10.7	5.6	7.0
Minuman dan produk tembakau	7.2	8.6	9.4	2.0	0.7
Produk tekstil, pakaian dan kulit	-2.1	0.9	4.7	7.0	3.8
Produk kayu, perabot, keluaran kertas dan percetakan	3.2	2.0	5.6	2.3	3.5
Produk petroleum, kimia, getah dan plastik	4.7	2.8	6.5	1.8	3.6
Produk mineral bukan logam, logam asas dan produk logam yang direka	3.6	3.5	5.8	2.1	2.2
Produk elektrik, elektronik dan optikal	11.6	9.8	16.4	4.3	6.0
Peralatan pengangkutan, pembuatan lain dan pembaikan	0.1	0.8	2.0	1.9	1.2
<b>Pembinaan</b>	<b>-11.2</b>	<b>-11.0</b>	<b>-12.2</b>	<b>-1.2</b>	<b>-1.4</b>
<b>Perkhidmatan</b>	<b>1.0</b>	<b>0.7</b>	<b>3.2</b>	<b>2.1</b>	<b>2.5</b>
Utiliti	4.8	2.1	4.8	-0.1	2.6
Perdagangan borong dan runcit	-3.0	-1.3	1.3	4.5	2.6
Makanan & minuman dan perkhidmatan	3.0	0.4	3.9	0.8	3.5
Pengangkutan dan penyimpanan	12.1	9.4	11.7	-0.4	2.1
Maklumat dan komunikasi	4.9	4.8	6.8	1.9	1.9
Kewangan dan insurans	4.1	3.5	4.0	-0.1	0.5
Hartanah dan perkhidmatan perniagaan	-5.8	-5.3	-6.7	-1.0	-1.5
Perkhidmatan lain	1.1	0.1	4.0	2.9	3.9
<b>Jumlah</b>	<b>1.7</b>	<b>1.3</b>	<b>3.6</b>	<b>1.8</b>	<b>2.3</b>

Sumber: Produktiviti Buruh, Malaysia, ST4 2021, DOSM

## 5. Usaha Pendigitalan Merangsang Peningkatan Pekerjaan Gig di Malaysia

Revolusi Perindustrian Keempat (IR 4.0) mula menjadi topik perbualan penting dalam komuniti perniagaan sejak beberapa dekad kebelakangan ini. Schwab (2016) berpandangan bahawa pendigitalan adalah pemangkin kepada IR 4.0 yang mana ciri perkembangannya adalah ketersambungan melalui *Internet of Things*, Kecerdasan Buatan dan pengkomputeran awan<sup>6</sup>. Revolusi ini dijangka akan mengubah cara kita bekerja dan bersosial apabila dunia menjadi saling terhubung yang selanjutnya membolehkan operasi perniagaan dan pengalaman sosial yang lebih lancar. Dalam hal ini, komuniti global telah menerima pakai IR 4.0 secara berterusan melalui penggunaan teknologi dan mengkaji semula model perniagaan, ditambah pula oleh kemunculan pelbagai aplikasi media sosial dan perubahan teknologi yang pesat. Dengan perkembangan dunia siber dan teknologi digital, landskap pasaran buruh turut bersedia untuk berubah mengikut transformasi pekerjaan masa hadapan.

Bagi Malaysia, peranan utama pendigitalan digambarkan oleh peningkatan nilai ditambah kasar bagi Teknologi Maklumat dan Komunikasi (GVICT) sejak direkodkan oleh DOSM pada 2010. Antara 2015 sehingga 2019, GVICT bertumbuh antara 12.5 peratus hingga 12.9 peratus setiap tahun. Sumbangan ICT kepada ekonomi terus berkembang daripada 16.5 peratus pada 2010 kepada 19.2 peratus pada 2019. Dalam tempoh yang sama, guna tenaga dalam industri ICT juga mengekalkan pertumbuhan positif daripada 1.06 juta pada 2015 kepada 1.14 juta pada 2019. Statistik ini menunjukkan perkembangan dan kemajuan pendigitalan dalam ekonomi Malaysia.

Melangkah ke tahun 2020, impak luar jangka terhadap ekonomi global disebabkan krisis kesihatan awam COVID-19 telah mengakibatkan penguncupan ekonomi yang mendadak, pengurangan jam bekerja serta kehilangan pekerjaan. Malaysia juga amat terkesan dengan sekatan ekonomi dan sosial yang dikuatkuasakan bagi membendung virus yang merebak pantas di dalam negara. Akibatnya, industri tertentu mengalami permintaan yang lebih perlahan atau tiada permintaan mendorong mereka untuk membuat pilihan sama ada memilih untuk penutupan perniagaan atau mengkaji semula dan mengubah model perniagaan. Dalam memilih penutupan perniagaan juga akan menyebabkan pemotongan gaji atau pemberhentian sementara pekerja. Ternyata, krisis kesihatan telah memberi peluang kepada perniagaan dan individu untuk memanfaatkan teknologi dalam memastikan kelestarian. Susulan pengurangan dalam kaedah perbelanjaan normal, berlaku peningkatan pengguna perkhidmatan digital. Di rantau Asia Tenggara, 60 juta orang mula menggunakan perkhidmatan digital buat pertama kali berikutan pandemik<sup>7</sup>. Di Malaysia, perkembangan ini sedikit sebanyak digambarkan oleh pertumbuhan 10.4 peratus GVICT pada 2020 walaupun nilai ditambah kasar bagi kebanyakan industri lain merekodkan penurunan pada tahun itu. Sumbangan GVICT kepada ekonomi berkembang kepada 22.6 peratus manakala guna tenaga yang merangkumi komposisi 7.7 peratus meningkat 1.2 peratus kepada 1.16 juta pada 2020.

Peralihan pekerjaan masa hadapan ke arah pendigitalan terus mempengaruhi peningkatan dalam aturan kerja yang lebih fleksibel yang dikenali sebagai pekerjaan gig. Walaupun konsep dan definisi ekonomi digital telah dipersetujui, masih belum wujud satu definisi standard di peringkat global bagi pekerjaan gig. Namun, berdasarkan pelbagai intepretasi pekerjaan gig lazimnya menyebut berkaitan aturan kerja fleksibel dan kebergantungan kepada platform digital. Menurut Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC), program eRezeki yang dibangunkan berasaskan kepada model perkongsian sumber (*crowdsourcing*) bagi membantu peluang penjana pendapatan melalui

<sup>6</sup> Schwab, K. (2016). *The Fourth Industrial Revolution*. Geneva: World Economic Forum.

<sup>7</sup> Think with Google: e-Conomy SEA 2021: Roaring 20s The SEA Digital Decade

platform digital bermula dengan lima rakan platform tempatan pada 2015 telah berkembang kepada 106 rakan platform pada 2020<sup>8</sup>. Bilangan rakan platform strategik telah bertambah kepada 133 dengan lebih 339,000 peserta menjana pendapatan setakat Jun 2021<sup>9</sup>. Ini menunjukkan peningkatan penglibatan dalam pekerjaan yang fleksibel dan dipacu oleh pendigitalan sejak bermulanya pandemik.

Mengambil kira kriteria kemasukan minimum ke jenis pekerjaan ini, penyertaan dalam pekerjaan platform digital memberikan penyelesaian sementara untuk menjana pendapatan berikutan kehilangan pekerjaan dan kesukaran untuk mendapatkan pekerjaan lain dengan gaji yang sama atau lebih tinggi. Di sebalik pelbagai fleksibiliti, penglibatan dalam jenis pekerjaan ini sebagai bekerja sendiri atau *dependent contractor* tidak tertakluk kepada jaringan keselamatan sosial. Sehubungan itu, strategi khusus di bawah RMKe-12 iaitu Memperkukuh Sistem Sokongan kepada Pasaran Buruh dirangka dengan inisiatif untuk memperkenalkan perlindungan sosial untuk pekerja gig dan meningkatkan pematuhan undang-undang dan peraturan buruh bagi mempertingkatkan kecekapan pasaran buruh. Inisiatif lain di bawah strategi yang sama ialah meningkatkan kemahiran pekerja gig untuk beralih ke pekerjaan yang lebih menguntungkan. Sehubungan itu, MDEC dengan matlamat untuk mempercepatkan transformasi digital negara sedang membina asas yang lebih kukuh bagi menyokong ekonomi gig melalui penyediaan program Global Online Workforce (GLOW) untuk melengkapkan peserta dengan kemahiran dan pengetahuan dalam menjadi *freelancer* yang berjaya. Seterusnya, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) sebagai agensi yang diamanahkan untuk melindungi pekerja di Malaysia telah melaksanakan Sistem Insurans Pekerjaan GIG (SIP GIG) sebagai inisiatif melindungi pekerja gig di bawah peruntukan Bajet 2022.

Walaupun dengan lonjakan sementara ekonomi digital pada waktu pandemik, Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia (MyDIGITAL) telah dilancarkan bagi melakar trajektori ekonomi digital negara. Peningkatan penglibatan sektor swasta yang mencetuskan peluang bagi mempertingkatkan nilai komersial perkerjaan kontrak untuk perkhidmatan (*contract for service*) menuntut pekerja gig menggunakan pengetahuan dan kemahiran mereka bagi menjana pendapatan dalam pekerjaan mahir berbanding penglibatan semasa dalam kategori pekerjaan separuh mahir. Ini boleh menjadi pemangkin untuk membawa kerja gig ke tahap baharu yang akhirnya menyumbang kepada peningkatan kecekapan dan pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi untuk Malaysia. Tambahan pula, dengan undang-undang dan hak pekerja yang lebih baik dalam melindungi pekerja gig, pekerjaan ini dapat menarik penglibatan mereka yang berkemahiran tinggi dan menjadi pekerjaan pilihan yang mampan serta menguntungkan pada masa hadapan.

<sup>8</sup> Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU). (2022, February 10). *MyGovernment: Sistem Penyampaian Perkhidmatan Awam dan Kerajaan Tempatan*. Diambil dari MyGovernment: <https://www.malaysia.gov.my/portal/content/30641>

<sup>9</sup> MDEC. (2021, June 21). *MDEC: MDEC Percepatkan Usaha Digitalisasi Untuk Sokong Pakej Perlindungan Rakyat Dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH)*. Diambil dari <https://mdec.my/news/mdec-to-accelerate-digitalisation-efforts-to-support-pemulih-recovery-plan/>

## 6. Kesimpulan

Secara keseluruhan, pasaran buruh Malaysia pada ST4 2021 bertambah baik dengan pelaksanaan PPN berbanding suku yang sama pada 2020 ketika negara berada di dalam fasa PKP Pemulihan. Dari segi perbandingan prestasi suku tahunan, selepas pemulihan beransur-ansur berikutan pelaksanaan PPN pada ST3 2021, kedudukan pasaran buruh pada ST4 2021 terus bertambah baik. Kelonggaran sekatan sosial dan ekonomi pada ST4 2021 dapat diperhatikan berikutan peningkatan kadar vaksinasi COVID-19, penurunan bilangan kemasukan ke hospital dan pengurangan kemasukan ke Unit Rawatan Rapi (ICU). Kebenaran rentas negeri dan penganjuran acara sosial dalam norma baharu dibenarkan pada masa yang tepat bersesuaian dengan cuti umum sempena pelbagai perayaan pada ST4 2021 termasuk Deepavali dan Krismas. Peluang ini digunakan oleh orang ramai untuk mengunjungi destinasi pelancongan tempatan yang menarik di sekitar Malaysia atau melawat orang tua di kampung halaman masing-masing, menyebabkan permintaan pengguna dan aktiviti pelancongan domestik meningkat.

Dari sudut penawaran, tenaga buruh pada ST4 2021 mencatatkan peningkatan tahun ke tahun yang lebih besar berbanding ST3 2021 dengan pertumbuhan guna tenaga yang lebih kukuh menyebabkan bilangan penduduk bekerja melepasi paras prapandemik pada 2019. Sehubungan itu, bilangan penganggur dan kadar pengangguran berkurangan dengan ketara kepada paras paling rendah sejak ST1 2020. Namun begitu, situasi pengangguran belum kembali kepada bilangan dan kadar purata yang dicatatkan sebelum pandemik. Pembukaan semula lebih banyak perniagaan telah menyebabkan jumlah jam bekerja meningkat pada suku tersebut dengan permintaan jawatan oleh sektor ekonomi berkembang buat kali pertama sejak krisis COVID-19. Dengan pertambahan bilangan jawatan diisi dalam pertubuhan formal sektor swasta, kekosongan jawatan juga meningkat memberi lebih banyak peluang untuk pengisian jawatan. Sehubungan itu, pewujudan jawatan juga menyaksikan pertambahan pada ST4 2021 berbanding suku yang sama tahun sebelumnya. Dari segi kecekapan pasaran buruh, kedua-dua pengukuran produktiviti buruh iaitu nilai ditambah per pekerja dan nilai ditambah per jam bekerja mencatatkan peningkatan berbanding suku yang sama tahun sebelumnya.

Melangkah ke tahun 2022, semua negeri telah beralih ke Fasa 4 PPN dengan pembukaan semula lebih banyak aktiviti dan pelonggaran langkah pembendungan. Walau bagaimanapun, bilangan kes harian COVID-19 melonjak semula pada bulan Februari, meningkat kepada lima digit berikutan penularan varian Omicron dalam komuniti. Selain pelaksanaan sekatan menyeluruh, mekanisme yang lebih bersasar di rangka bagi mengawal situasi. Individu, komuniti dan perniagaan digesa untuk terus mengamalkan tanggungjawab sendiri bagi memastikan perlindungan daripada virus. Selain itu, usaha untuk memastikan imuniti kelompok diteruskan melalui pemberian suntikan dos penggalak dan peluasan vaksinasi COVID-19 kepada kanak-kanak berumur lima hingga sebelas tahun.

Fokus berterusan ke arah menstabilkan krisis kesihatan awam serta pelanjutan pelaksanaan pelbagai inisiatif dalam memastikan kesinambungan dan kelestarian ekonomi dan pasaran buruh, dijangka akan menjamin laluan pemulihan beransur-ansur pasaran buruh pada suku akan datang, tertakluk kepada ancaman varian COVID-19 yang lebih berbahaya.

# GAMBARAN PASARAN BURUH MALAYSIA PADA 2021


Keadaan pasaran buruh yang lebih baik pada 2021 dengan pertambahan guna tenaga melebihi tahap prapandemik. Walaupun permintaan buruh dan jumlah jam bekerja meningkat, pengangguran merekodkan kenaikan marginal susulan sekatan ekonomi dan sosial berterusan dalam meredakan krisis kesihatan.

Pada 2021, **tenaga buruh** meningkat 474 ribu merekodkan **16.14 juta** orang. Oleh itu, KPTB meningkat 0.2mp kepada **68.6%** berbanding 2020.

31.4% daripada jumlah penduduk umur bekerja dikategorikan sebagai **luar tenaga buruh**



**2021 7.39 juta**  
**2020 7.23 juta** ▲




■ Tenaga buruh (juta)  
● Kadar penyertaan tenaga buruh (%)


Nota: mp = mata peratus



**Penduduk bekerja** meningkat 3.0 peratus berbanding setahun lalu dan telah melepasi paras prapandemik (juta)




**Kadar pengangguran** meningkat sedikit




● Kadar pengangguran (%) ■ Penganggur ('000)

**Jawatan dalam** sektor ekonomi naik 73.6 ribu tahun ke tahun namun belum kembali ke paras prapandemik




**Jawatan diisi** meningkat 65.9 ribu berbanding 2020 (juta)



Sebanyak 69.5 ribu **pewujudan jawatan** pada 2021 di sebalik pelaksanaan mekanisme bersasar bagi membendung krisis kesihatan



**Kekosongan** meningkat 7.7 ribu berbanding tahun sebelumnya (ribu)




## Jumlah jam bekerja 2021

meningkat 5.8 peratus berbanding tahun sebelumnya

**2021 33.8 bilion** ▲ 5.8%  
**2020 32.0 bilion**  
**2019 35.0 bilion**  
**2018 34.3 bilion**




**Produktiviti buruh per pekerja** pulih kepada 1.8% pada 2021



■ Nilai ditambah per pekerja (RM)  
● Peratus perubahan tahun ke tahun (%)



**Produktiviti buruh per jam bekerja** jatuh 2.6% pada 2021



■ Nilai ditambah per jam bekerja (RM)  
● Peratus perubahan tahun ke tahun (%)


**Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong**

## Gambaran Situasi Pasaran Buruh 2021

Tahun 2021 bermula dengan optimis setelah penghujung 2020 menyaksikan pemulihan sederhana dalam pasaran buruh Malaysia selaras dengan usaha untuk membendung gelombang ketiga COVID-19. Walau bagaimanapun, perancangan bagi memulihkan situasi ekonomi dan sosial setelah tahun 2020 yang mencabar terhenti akibat krisis kesihatan awam menjadi lebih serius pada awal 2021. Oleh itu, pada hampir sepanjang tahun 2021, pelbagai pendekatan telah dilaksanakan bagi melindungi nyawa dan kesejahteraan awam termasuk sekatan sosial dan ekonomi, usaha mempertingkatkan imunisasi penduduk terhadap virus serta suntikan rangsangan fiskal berterusan. Berbanding pendekatan menyeluruh yang dilaksanakan pada 2020, mekanisme yang lebih bersasar telah dilaksanakan sepanjang 2021 bagi memastikan mereka yang paling berisiko dan mudah terjejas sama ada terhadap situasi kesihatan awam atau kesan sosioekonomi dibantu dan dilindungi. Walau bagaimanapun, larangan rentas negeri mengambil masa yang lebih lama pada tahun 2021, iaitu kira-kira sembilan bulan dari pertengahan Januari hingga awal Oktober. Sebaliknya, sekatan yang sama hanya dilaksanakan selama kira-kira dua bulan pada tahun 2020. Walaupun sedikit peningkatan diperhati pada awal tahun 2021, keadaan yang sukar pada bulan seterusnya telah memberi cabaran kepada pasaran buruh dalam mengembalikan semula momentum pemulihan. Segmen ini menyentuh secara ringkas prestasi pasaran buruh bagi tahun 2021 ketika Malaysia terus berdepan dengan satu lagi tahun yang mencabar kerana krisis COVID-19.

Dari segi penawaran buruh, anggaran awal berdasarkan data purata tenaga buruh bulanan menunjukkan bahawa bilangan penduduk pekerja meningkat 3.0 peratus kepada 15.4 juta orang pada 2021 setelah penurunan sebanyak 0.8 peratus tahun sebelumnya berikutan kesan pandemik. Walaupun pertumbuhan yang tinggi ini boleh dikaitkan dengan asas bilangan pekerja yang lebih rendah pada tahun 2020, bilangan penduduk bekerja telah melebihi 15.1 juta yang dicatatkan semasa tempoh prapandemik pada 2019. Sementara itu, bilangan penganggur terus meningkat kepada 741.4 ribu pada 2021 selepas merekodkan 711.0 ribu orang pada tahun sebelumnya. Susulan langkah pembendungan berterusan dalam menangani krisis kesihatan, kadar pengangguran meningkat 0.1 mata peratus seterusnya mencapai paras tertinggi baharu iaitu 4.6 peratus pada 2021. Dengan pertumbuhan kukuh guna tenaga dan peningkatan kecil pengangguran, tenaga buruh naik 3.0 peratus kepada 16.14 juta orang. KPTB pada tahun 2021 meningkat 0.2 mata peratus kepada 68.6 peratus. Sejalan dengan itu, 31.4 peratus lagi adalah daripada penduduk umur bekerja berada di luar tenaga buruh [Carta 23].

**Carta 23:** Penduduk bekerja, penganggur, kadar penyertaan tenaga buruh dan kadar pengangguran, 1982-2021<sup>P</sup>




**Sumber:** Laporan Tenaga Buruh, Malaysia, Disember 2021, DOSM

**Nota:** p - data awalan berdasarkan purata statistik bulanan pada tahun 2021

## Gambaran Situasi Pasaran Buruh 2021

Sementara itu, tahun 2021 juga menyaksikan peningkatan dalam permintaan buruh dengan jawatan bertambah sebanyak 0.9 peratus selepas jatuh 2.4 peratus pada 2020. Namun begitu, bilangan jawatan pada 2021 yang berjumlah 8.53 juta adalah lebih rendah daripada 8.66 juta jawatan yang direkodkan pada 2019 sebelum krisis COVID-19 melanda. Pemulihan dalam permintaan buruh adalah disebabkan oleh peningkatan kedua-dua bilangan kekosongan dan jawatan diisi. Jawatan diisi yang merangkumi 97.8 peratus jawatan pada 2021 meningkat sebanyak 65.9 ribu manakala kadar kekosongan yang lebih tinggi dicatatkan pada 2.2 peratus sejajar dengan jumlah kekosongan yang meningkat sebanyak 7.7 ribu kepada 183.6 ribu [**Carta 24**].

**Carta 24:** Jawatan, jawatan diisi, kekosongan, kadar jawatan diisi and kadar kekosongan, 2019-2021



**Sumber:** Statistik Guna Tenaga, Malaysia, ST4 2021, DOSM

**Nota:** 1. Nombor dalam unit ribu;  
2. ( ) merujuk kepada kadar

Keadaan perniagaan yang lebih perlahan pada tahun 2021 menyumbang kepada bilangan pewujudan jawatan yang lebih rendah pada tahun ini iaitu 69.5 ribu berbanding 73.3 ribu pewujudan jawatan pada tahun 2020. Mengikut sektor ekonomi, sumbangan terbesar pewujudan jawatan pada tahun 2021 adalah dalam sektor Pembuatan merangkumi lebih daripada 40 peratus; khususnya dalam subsektor produk Elektrik, elektronik dan optikal serta produk Petroleum, kimia, getah & plastik. Sektor Perkhidmatan menduduki tempat kedua dengan sumbangan sebanyak 37.2 peratus, tertumpu dalam subsektor Perdagangan borong dan runcit serta Kewangan, insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan [**Jadual 3**].

**Jadual 3:** Bilangan pewujudan jawatan mengikut sektor, 2019-2021

Sektor	2019		2020		2021	
	Bilangan ('000)	Sumbangan (%)	Bilangan ('000)	Sumbangan (%)	Bilangan ('000)	Sumbangan (%)
Pertanian	10.8	10.3	3.1	4.3	3.4	4.9
Perlombongan & pengkuarian	0.6	0.6	0.3	0.4	0.3	0.5
Pembuatan	19.2	18.4	26.0	34.8	29.2	42.0
Pembinaan	22.3	21.4	14.2	19.3	10.8	15.5
Perkhidmatan	51.1	49.2	30.3	41.2	25.8	37.2
<b>Jumlah</b>	<b>104.0</b>	<b>100.0</b>	<b>73.3</b>	<b>100.0</b>	<b>69.5</b>	<b>100.0</b>

**Source:** Guna Tenaga, Malaysia, ST4 2021, DOSM

Sejajar dengan peningkatan pekerja dan pemulihan KDNK sebanyak 3.1 peratus pada 2021, produktiviti buruh yang diukur sebagai nilai ditambah per pekerja meningkat 1.8 peratus daripada negatif 5.5 peratus pada 2020 mencatatkan RM90,647 per pekerja (2020: RM89,022). Sementara itu, jumlah jam bekerja naik 5.8 peratus pada tahun tersebut kepada 33.8 bilion berbanding penurunan mendadak sebanyak 8.7 peratus pada 2020. Ini selaras dengan kebenaran bagi pembukaan semula aktiviti ekonomi dan sosial secara berperingkat semasa fasa PPN yang menawarkan peluang kepada perniagaan untuk beroperasi hampir sama seperti tempoh prapandemik. Berikutan jam bekerja mencatatkan peningkatan lebih tinggi berbanding pertumbuhan nilai ditambah, produktiviti buruh yang diukur sebagai nilai ditambah per jam bekerja menurun sebanyak 2.6 peratus (2020: 3.4%) merekodkan RM41.0 per jam (2020: RM42.0 per jam) [Carta 25].

Melihat kepada pecahan mengikut sektor ekonomi, peningkatan produktiviti buruh per pekerja direkodkan oleh sektor Pembuatan dan Perkhidmatan. Bagi nilai ditambah per jam bekerja pula, hanya sektor Pembuatan mencatatkan pertumbuhan positif pada tahun 2021 manakala sektor lain merosot.

**Carta 25:** Produktiviti buruh per pekerja dan produktiviti buruh per jam bekerja, 2018-2021



**Sumber:** Produktiviti Buruh, Malaysia, ST4 2021, DOSM

Setahun selepas PICK dilaksanakan, usaha untuk mencapai imuniti kelompok diteruskan melalui pelaksanaan suntikan dos penggalak dan peluasan vaksinasi COVID-19 terhadap kanak-kanak berumur lima hingga sebelas tahun. Walaupun ancaman COVID-19 kekal dengan peningkatan jangkitan varian Omicron yang menyebabkan bilangan kes harian sekali lagi mencapai lima digit, perlindungan yang lebih baik telah mencatatkan bilangan kemasukan ke hospital dan kematian yang lebih rendah. Selanjutnya, PPN yang bermula sejak Julai tahun lepas telah menyaksikan pelonggaran sekatan secara berfasa, membolehkan lebih banyak aktiviti ekonomi dipulihkan. Dengan penerapan norma baharu dalam masyarakat, orang ramai mula menyahut tanggungjawab sendiri dan terus berwaspada dalam memerangi COVID-19 dengan pematuhan SOP, pengujian virus COVID-19 secara berkala dan langkah-langkah lain. Dalam hal ini, prospek pasaran buruh yang lebih baik dijangkakan pada 2022 sejajar dengan unjuran Kementerian Kewangan bahawa guna tenaga akan meningkat 2.3 peratus kepada 15.5 juta pada 2022 manakala kadar pengangguran dijangka turun kepada 4.0 peratus<sup>10</sup>.

<sup>10</sup> Kementerian Kewangan Malaysia. (2021). *Malaysia Economic Outlook 2022*. Putrajaya: Kementerian Kewangan Malaysia

**Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong**

## Rencana 1:

### Penilaian Awal Pemulihan Pasaran Buruh Mengikuti Sektor Semasa Krisis COVID-19

Muhammad Shafiq Harun<sup>1</sup>; Siti Nurliza Samsudin<sup>2</sup>; Nurin Nasuha Hussain<sup>3</sup>


<sup>1, 2, 3</sup> Biro Statistik Buruh Malaysia (MBLS), Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

#### Pengenalan

Pada akhir tahun 2019, kes pertama COVID-19 telah dikenal pasti di Wuhan, China. Setelah merebak ke 114 negara dengan lebih 118,000 kes dan 4,291 kematian, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah mengumumkan virus tersebut sebagai pandemik global pada Mac 2020. Pada peringkat awal ketika masih banyak perkara yang belum diketahui mengenai virus tersebut, negara-negara di seluruh dunia memulakan kawalan pergerakan serta-merta meliputi sekatan aktiviti sosial dan ekonomi di samping penutupan sempadan antarabangsa. Keputusan yang kurang dipersetujui ini dilaksanakan bagi tujuan melindungi nyawa yang berharga. Memasuki tahun ketiga krisis kesihatan awam ini, pakar-pakar masih meneruskan pencarian untuk rawatan yang paling berkesan dan selamat, di samping melaksanakan langkah pencegahan dan vaksinasi.


Perkara penting yang perlu diambil perhatian adalah impak ketara pandemik kepada ekonomi dunia masih boleh dilihat sehingga hari ini. Ekonomi utama dunia seperti Kesatuan Eropah dan Amerika Syarikat amat terkesan pada tahun 2020 yang mana Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) masing-masing menyusut 6.1 peratus dan 3.8 peratus [Carta 1.1]. Sementara itu, ekonomi China merekodkan pertumbuhan yang lebih perlahan dengan 2.3 peratus berbanding 6.0 peratus pada tahun 2019. Di rantau Asia Timur, KDNK bagi Republik Korea turun 0.9 peratus berbanding pertumbuhan positif 2.2 peratus pada tahun 2019. Ekonomi Singapura juga susut 5.4 peratus manakala Filipina merekodkan penurunan sebanyak 9.6 peratus. Lanjutan pelbagai sekatan sosioekonomi bagi mengawal peningkatan pantas jangkitan dalam negara, ekonomi Malaysia turut jatuh 5.6 peratus pada 2020 berbanding dengan pertumbuhan 4.4 peratus pada tahun sebelumnya, menjadikan ianya sebagai prestasi ekonomi paling rendah yang pernah dialami oleh negara sejak merekodkan kejatuhan 7.4 peratus pada 1998.

**Carta 1.1:** Pertumbuhan KDNK bagi negara terpilih, 2019 & 2020



Sumber: <https://www.statista.com/>

**Carta 1.2:** Kadar pengangguran bagi negara terpilih, 2019 & 2020



Mengakhiri perkembangan ekonomi selama satu dekad pada 2020, usaha mengawal krisis kesihatan awam ini menyebabkan perniagaan terpaksa menghentikan operasi secara sementara atau berterusan; selanjutnya menyebabkan bilangan luar jangka bagi yang kehilangan pekerjaan dan diberhentikan sementara. Menurut International Labour Organization (ILO) (2021), impak COVID-19 yang serius terhadap dunia pekerjaan termasuk pengurangan jam bekerja dan kehilangan pekerjaan adalah jauh lebih teruk berbanding semasa Krisis Kewangan Global. Laporan ILO yang sama menyatakan kehilangan hampir 8.8 peratus jam bekerja di peringkat global, iaitu bersamaan dengan 255 juta jawatan sepenuh masa. Daripada jumlah ini, 114 juta orang telah kehilangan pekerjaan, yang mana 28.9 peratus telah beralih kepada pengangguran kerana mereka terus mencari pekerjaan dan 71.1 peratus telah berubah ke luar tenaga buruh. Perbandingan kadar pengangguran bagi negara terpilih adalah seperti di **Carta 1.2**.

Di negara tertentu, majikan berupaya mengekalkan pekerja dengan mengurangkan waktu operasi dan seterusnya melaksanakan pemotongan gaji. Di negara lain, terdapat peningkatan mendadak bagi pengangguran namun kebanyakannya akan kembali bekerja dengan pembukaan semula ekonomi. Di samping itu, pandemik ini turut menghalang aktiviti mencari pekerjaan. Kesan kepada kumpulan yang mudah terjejas ini amat kritikal, khususnya apabila mereka berdepan dengan kehilangan pendapatan dan cabaran pencarian pekerjaan selepas mengalami pengangguran disebabkan oleh permintaan buruh yang lebih perlahan oleh sektor ekonomi. Walaupun setelah situasi pandemik semakin baik atau selepas peralihan kepada fasa endemik, sebahagian kesan terhadap struktur pasaran buruh mungkin akan berterusan, dengan guna tenaga di sektor tertentu mengalami pengurangan manakala di sektor lain semakin meningkat. Oleh itu, artikel ini akan menilai pemulihan ekonomi dan kesan kepada pemulihan pasaran buruh mengikut sektor sehingga kini berbanding dengan tempoh sebelum krisis COVID-19.

### Sorotan Kajian

Kajian mendapati bahawa tiada industri yang tidak terkesan oleh pandemik COVID-19 dengan perubahan lokasi dan penutupan operasi perniagaan serta rantai pembekalan dialami di hampir setiap sektor. Pandemik ini telah membawa bukan sahaja penjarakan fizikal, tetapi penjarakan ekonomi dan menyebabkan risiko dalam ekonomi dunia. Memandangkan pandemik ini sering dikatakan sebagai kejutan ekonomi, pelbagai kajian memperihalkan pemulihan yang diramal dalam bentuk grafik. Mengambil kira penggunaan situasi guna tenaga sebagai salah satu indikator pemulihan, sorotan kajian ini akan membincangkan pemulihan pasaran buruh dan ekonomi dalam erti yang sama. Pada mulanya, di peringkat awal krisis pada 2020, J.P. Morgan (2020) menyatakan terdapat persoalan sama ada pemulihan akan berbentuk “V” atau “U”. Kemudian, setelah pandemik tersebut berterusan dengan beberapa gelombang, pakar ekonomi mencadangkan pemulihan berbentuk “W” atau berbentuk “L”, iaitu yang menunjukkan keadaan yang pesimistik (Sharma, Bouchaud, Gualdi, Tarzia, & Zamponi, 2020; De Backer, Dewachter, & Lania, 2021). Tambahan pula, beberapa kajian turut meramalkan pemulihan berbentuk “K”, yang mana kadar pemulihan berbeza mengikut sektor (ILO, 2021; Bheemaiah, Esposito, & Tse, 2020).

Sebagaimana yang ditunjukkan dalam analisis mengenai pemulihan berbentuk “K”, ketidaksamaan proses pemulihan menunjukkan bahawa firma yang lebih besar dan mempunyai akses kepada bantuan kerajaan akan pulih dengan lebih cepat daripada firma yang lebih kecil, yang mana kebiasaannya melibatkan pekerja kolar biru (Bheemaiah et al, 2020). Selain itu, industri penginapan dan perkhidmatan makanan mengalami pengurangan besar guna tenaga berikutan permintaan yang lebih perlahan berbanding dengan industri maklumat dan komunikasi serta kewangan dan

insurans yang merekodkan peningkatan guna tenaga (ILO, 2021). Selari dengan perkara ini, Dua, Mahajan, Oyer, & Ramaswamy (2020) melaporkan bahawa sektor yang paling terkesan seperti kesenian, hiburan dan rekreasi; penginapan dan perkhidmatan makanan; perkhidmatan pendidikan; pengangkutan dan pergudangan; dan pembuatan berkemungkinan akan mengambil masa lebih daripada lima tahun untuk kembali kepada paras nilai ditambah 2019, manakala sektor yang akan pulih lebih cepat adalah perkhidmatan maklumat serta kesihatan dan bantuan sosial. Perkara ini adalah konsisten dengan penemuan oleh Szczygielski, Charteris, Bwanya, & Brzeszczyński (2022) yang menyatakan bahawa sektor yang mengalami pengurangan keuntungan berikutan daripada krisis termasuk pengangkutan udara; pajak gadai; peralatan dan perkhidmatan tenaga; amanah pelaburan hartanah; aeroangkasa dan pertahanan; perbankan; kewangan pengguna; minyak, gas dan bahan api boleh guna; infrastruktur serta edaran pengangkutan. Szczygielski et al (2022) juga mendapati bahawa teknologi penjagaan kesihatan; pemasaran runcit secara langsung dan melalui internet; perisian dan bioteknologi hanya terkesan secara sederhana. Sejauh mana kesan terhadap sesuatu industri adalah selari dengan kadar pemulihan industri tersebut.

Ketidaksamaan pemulihan turut dilihat antara negara, yang mana pelbagai negara maju menunjukkan perbezaan ketara bergantung kepada situasi kesihatan awam, langkah pengawalan dan suntikan fiskal di negara masing-masing. Menurut Francisco (2022), Britain, Germany, Italy dan Spain mencapai prestasi yang lebih rendah berdasarkan indikator ekonomi sebelum pandemik dan pada ketika ini, manakala Denmark, Slovenia, Norway dan Sweden menunjukkan prestasi yang baik. Melihat data secara mendalam, artikel tersebut menyatakan bahawa Jepun, iaitu negara yang tidak begitu terkesan akibat virus itu, tidak mengalami perubahan ketara dalam pasaran buruh. Bagi negara-negara yang merekodkan kehilangan pendapatan buruh, seperti Amerika Syarikat dan Canada, pampasan kerajaan melalui faedah pengangguran dan bantuan kewangan telah menstabilkan situasi ekonomi dan pasaran buruh.

Di samping itu, pemulihan berbentuk “K” turut dilihat dalam proses pemulihan yang berlainan mengikut tahap pembangunan sesuatu negara. World Bank (2021) telah mengurangkan ramalan pertumbuhan bagi negara-negara berpendapatan rendah dengan status vaksinasi tertangguh. Khususnya, mengikut International Monetary Fund (2022), 86 negara tidak mencapai sasaran liputan vaksinasi lengkap sekurang-kurangnya 40 peratus sebelum akhir 2021. Ini mungkin kerana cabaran penghantaran di negara-negara, walaupun dengan liputan tempahan dos vaksinasi adalah hampir menyeluruh di kebanyakan rantau. Berdasarkan ramalan ekonomi 2022, World Bank (2022) menjangkakan negara yang berkembang pesat dan negara membangun (EMDE) akan mengalami pemulihan yang lebih perlahan daripada ekonomi-ekonomi maju, berikutan status vaksinasi yang lebih perlahan, penamatan bantuan dasar yang lebih awal, serta kesan pandemik yang lebih serius. Walaupun kebanyakan kawasan di EMDE dijangka akan merekodkan pertumbuhan yang lebih tinggi pada 2022 berbanding 2019, hanya separuh daripada negara-negara EMDE telah mencapai lebih daripada tahap output 2019 pada tahun 2021. Tambahan pula, lebih daripada 75 peratus negara yang mempunyai kebergantungan tinggi kepada aktiviti pelancongan masih belum mencapai paras output prapandemik. Walau bagaimanapun, kebanyakan negara-negara EMDE masih di sasar akan mencapai pertumbuhan yang lebih tinggi pada 2022 berbanding 2019. Ini termasuk Malaysia dengan jangkakan pertumbuhan sebanyak 5.8 peratus (2019: 4.4%). Namun, negara-negara ini masih berdepan dengan risiko dalam memperoleh momentum pemulihan kerana peningkatan kes COVID-19 berikutan varian baharu.

Pada 2022, Bowman (2022) dari Forbes mengetengahkan empat trend perniagaan, termasuk mata wang kripto (*cryptocurrency*), pembangunan mampan (*sustainability*), kebolehpercayaan (*authenticity*) dan kecerdasan buatan (*artificial intelligence*). Manakala menurut Standage (2022) dari The Economist, antara trend yang boleh dijangka semasa tahun tersebut adalah perbezaan sistem politik, peralihan daripada

pandemik kepada endemik, cabaran inflasi, pekerjaan masa hadapan, persaingan teknologi antara negara, perubahan iklim dan perubahan corak pergerakan. Financial Times (2021) juga menyatakan bahawa trend 2022 adalah termasuk kos pergerakan yang lebih mahal, risiko dasar penerbangan berikutan fokus kepada jejak karbon, serta pemulihan permintaan minyak, gas asli dan elektrik. Semua trend ini mungkin membantu dalam analisis situasi pemulihan ekonomi sektoral. Sebagai contoh, mungkin terdapat peningkatan pelaburan dalam industri berkaitan perkhidmatan maklumat; kewangan dan insuran; serta penyelidikan dan pembangunan, manakala ketidakpastian boleh terus berlaku di industri pelancongan, penerbangan udara dan komoditi.

## Metodologi

Kajian ini dilaksanakan menggunakan statistik siri masa yang bermula sebelum krisis kesihatan COVID-19 sehingga statistik tahunan terkini yang tersedia, iaitu bagi tahun 2021. Data yang boleh diakses oleh orang awam dan diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah digunakan untuk menganalisis trend pemulihan pasaran buruh. Statistik keseluruhan guna tenaga berserta pecahan mengikut sektor ekonomi diperoleh dari Laporan Produktiviti Buruh Suku Tahunan. Sementara itu, statistik permintaan buruh termasuk bilangan jawatan, jawatan diisi, kekosongan dan pewujudan jawatan adalah dari Laporan Survei Guna Tenaga Suku Tahunan. Selain itu, bilangan orang yang terlibat dalam industri tertentu adalah bersamaan dengan definisi jawatan diisi yang telah dikumpulkan daripada Laporan Survei Statistik Perkhidmatan Suku Tahunan dan Laporan Survei Pembuatan Bulanan. Sementara itu, statistik prestasi ekonomi adalah bersumberkan daripada pengumpulan Statistik Akaun Negara yang mana prestasi ekonomi adalah diukur berdasarkan peratus perubahan tahunan KDNK pada harga malar.

Selari dengan sasaran kajian bagi mengukur kesan COVID-19 terhadap guna tenaga mengikut sektor ekonomi, penulis telah melaksanakan sorotan kajian termasuk daripada jurnal, artikel, dan portal rasmi yang mendokumenkan data untuk tujuan penyebaran maklumat. Sumber-sumber ini dianggap sebagai data sekunder yang digunakan untuk analisis dalam jurnal dan pangkalan data statistik.

## Hasil & Perbincangan

### 1. Kedudukan ekonomi dan pasaran buruh

Pada tahun 2020, sekatan ekonomi dan sosial telah dilaksanakan di Malaysia untuk membendung penularan pandemik COVID-19 di dalam negara melalui pelbagai fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bergantung kepada situasi krisis kesihatan pada masa tertentu. Ini menyebabkan ekonomi Malaysia mengalami penurunan sebanyak 5.6 peratus, selepas mencatatkan pertumbuhan positif sejak sepuluh tahun lalu. Secara khususnya, dua sektor mencatatkan kemerosotan dua digit, iaitu Pembinaan dan Perlombongan & Pengkuarian yang masing-masing menyusut 19.4 peratus dan 10.6 peratus.

Selepas fasa PKP Pemulihan (PKPP) pada penghujung tahun 2020, jumlah jangkitan harian COVID-19 yang tinggi secara berterusan pada awal 2021 telah mendorong pelaksanaan PKP 2.0 sejak 13 Januari 2021. Namun, keadaan kali ini berbeza berbanding peringkat awal pada Mac 2020, yang mana usaha untuk mengawal pandemik dilaksanakan melalui PKP menyeluruh melalui sekatan aktiviti ekonomi dan sosial tidak penting. Sebaliknya, PKP, PKP Bersyarat (PKPB) dan PKP Diperketatkan (PKPD) telah dilaksanakan bergantung kepada risiko jangkitan di negeri, kawasan dan lokaliti tertentu di seluruh negara (DOSM, 2021). Lanjutan itu, Pelan Pemulihan Negara (PPN) empat fasa yang komprehensif dan dinamik telah dilancarkan pada pertengahan 2021. Pelan tersebut menggariskan langkah keluar yang sistematik dan selamat daripada krisis COVID-19 dan pembukaan semula aktiviti sosial dan ekonomi secara progresif ke arah norma baharu. Oleh itu, ekonomi Malaysia dijangka pulih pada 2021,

mengambil kira peningkatan dalam permintaan domestik dan global serta pelaksanaan vaksinasi COVID-19 yang menyumbang kepada sentimen pengguna dan perniagaan yang lebih optimis.

Mekanisme yang lebih strategik dan bersasar dalam menangani situasi COVID-19 negara pada tahun 2021 telah menyumbang kepada pemulihan prestasi ekonomi Malaysia sebanyak 3.1 peratus. Walaupun Pembuatan merupakan penyumbang utama kepada pertumbuhan dengan mencatatkan 9.5 peratus, KDNK bagi dua sektor lain kembali pulih berbanding pertumbuhan negatif pada 2020 iaitu Perlombongan & pengkuarian (0.7%) dan Perkhidmatan (1.9%). Walau bagaimanapun, nilai KDNK pada 2021 masih lebih rendah daripada pencapaian Malaysia sebelum krisis kesihatan COVID-19 pada 2019 yang mana empat daripada lima sektor ekonomi merekodkan nilai KDNK yang lebih rendah pada 2021 berbanding 2019. Dari sudut yang positif, prestasi sektor Pembuatan dengan nilai KDNK RM337.3 bilion telah melepasi paras tahun 2019 (RM 316.3 bilion) [Jadual 1.1].

**Jadual 1.1:** KDNK mengikut sektor ekonomi pada harga malar 2015, Malaysia, 2018 – 2021

Sektor	KDNK (RM Bilion)				Pertumbuhan (%)			
	2018	2019	2020	2021	2019/ 2018	2020/ 2019	2021/ 2020	2021/ 2019
<b>Jumlah</b>	<b>1,364</b>	<b>1,424</b>	<b>1,344</b>	<b>1,386</b>	<b>4.4</b>	<b>-5.6</b>	<b>3.1</b>	<b>-2.7</b>
Pertanian	100	102	99	99	2.0	-2.2	-0.2	-2.3
Perlombongan & Pengkuarian	104	103	92	93	-0.6	-10.6	0.7	-10.0
Pembuatan	305	316	308	337	3.8	-2.6	9.5	6.6
Pembinaan	66	66	54	51	0.4	-19.4	-5.1	-23.6
Perkhidmatan	773	821	776	790	6.2	-5.5	1.9	-3.7

Sumber: Statistik Akaun Negara, DOSM

Bagi situasi pasaran buruh, bilangan penduduk bekerja telah meningkat dengan purata pertumbuhan 2.0 peratus antara 2017 hingga 2019. Bilangan penduduk bekerja pada 2019 adalah 15.13 juta orang selepas merekodkan peningkatan tahunan sebanyak 2.1 peratus. Sekatan aktiviti sosial dan ekonomi utama serta prosedur operasi standard (SOP) yang ketat diperkenalkan dalam pelbagai fasa PKP pada 2020 telah mengakibatkan sama ada penutupan perniagaan atau pengurangan operasi oleh industri dan permintaan barangan dan perkhidmatan oleh isi rumah. Prestasi perniagaan yang kurang memberangsangkan pada tahun 2020 telah menyebabkan pengambilan pekerja baharu dibatalkan atau dibekukan dan selanjutnya pengurangan pekerja. Dalam hal ini, guna tenaga mencatatkan penurunan marginal sebanyak 0.2 peratus kepada 15.10 juta orang pada 2020. Mengikut sektor ekonomi, hanya guna tenaga dalam sektor Perkhidmatan yang menyumbang 61.0 peratus pekerjaan pada 2020 mencatatkan pertumbuhan positif, walaupun pada kadar yang lebih perlahan iaitu sebanyak 0.5 peratus [Jadual 1.2].

**Jadual 1.2:** Guna Tenaga, Malaysia, 2018 – 2021

Sektor	Guna Tenaga ('000)				Pertumbuhan (%)			
	2018	2019	2020	2021	2019/ 2018	2020/ 2019	2021/ 2020	2021/ 2019
<b>Total</b>	<b>14,810</b>	<b>15,126</b>	<b>15,096</b>	<b>15,290</b>	<b>2.1</b>	<b>-0.2</b>	<b>1.3</b>	<b>1.1</b>
Pertanian	1,844	1,873	1,866	1,874	1.6	-0.4	0.4	0.0
Perlombongan & Pengkuarian	76	75	74	75	-0.4	-2.3	1.7	-0.6
Pembuatan	2,502	2,553	2,552	2,618	2.1	-0.1	2.6	2.5
Pembinaan	1,509	1,463	1,399	1,385	-3.1	-4.4	-1.0	-5.3
Perkhidmatan	8,880	9,161	9,206	9,338	3.2	0.5	1.4	1.9

Sumber: Produktiviti buruh, ST4 2021, DOSM

Guna tenaga meningkat 1.3 peratus kepada 15.29 juta orang pada 2021. Walaupun peningkatan ini sebahagiannya disebabkan oleh asas yang rendah pada 2020, pembukaan semula aktiviti ekonomi dan sosial secara progresif menjelang separuh kedua tahun tersebut turut menyumbang kepada pertumbuhan guna tenaga. Ini ditunjukkan oleh pertumbuhan 1.1 peratus guna tenaga berbanding keadaan sebelum pandemik COVID-19 pada 2019. Semua sektor ekonomi mencatat pertumbuhan positif guna tenaga berbanding sebelum krisis 2019 kecuali sektor Pembinaan yang terus menyusut sebanyak 5.3 peratus. Guna tenaga dalam sektor pertanian juga berkurangan sebanyak 1.0 peratus berbanding 2020.

Tahun 2020 juga menyaksikan permintaan buruh yang lebih perlahan oleh perniagaan sektor swasta dengan bilangan jawatan berkurangan sebanyak 2.4 peratus kepada 8.46 juta berbanding 8.67 juta jawatan pada 2019. Penurunan dalam jawatan disumbang oleh pengurangan kedua-dua bilangan jawatan diisi dan kekosongan. Peluang pekerjaan seperti yang ditunjukkan oleh bilangan kekosongan berkurangan sebanyak 22 ribu kepada 176 ribu manakala jawatan diisi turun sebanyak 182 ribu pada tahun 2020. Walaupun tahun 2021 menyaksikan peningkatan 0.9 peratus jawatan dalam sektor ekonomi berbanding tahun lalu kepada 8.53 juta, angka ini adalah 1.5 peratus lebih rendah daripada yang dicatatkan pada 2019. Pecahan mengikut sektor mendapati bahawa Pembuatan adalah satu-satunya sektor dengan bilangan jawatan melebihi paras prapandemik manakala sektor lain mencatatkan bilangan jawatan yang lebih rendah.

Penelitian lanjut dari segi peluang pekerjaan, bilangan kekosongan jawatan meningkat 4.4 peratus berbanding 2020 berikutan pertambahan dalam semua sektor kecuali Perlombongan & pengkuarian. Pertumbuhan positif permintaan buruh oleh perniagaan swasta adalah isyarat bahawa pasaran buruh di Malaysia akan bertambah baik pada 2022 [**Jadual 1.3**].

**Jadual 1.3:** Jawatan, jawatan diisi dan kekosongan, Malaysia, 2018 – 2021

Sektor	Permintaan Buruh ('000)				Pertumbuhan (%)			
	2018	2019	2020	2021	2019/ 2018	2020/ 2019	2021/ 2019	2021/ 2020
<b>Jawatan</b>	<b>8,542</b>	<b>8,661</b>	<b>8,457</b>	<b>8,531</b>	<b>1.4</b>	<b>-2.4</b>	<b>-1.5</b>	<b>0.9</b>
Pertanian	482	487	473	468	1.1	-3.0	-3.8	-0.9
Perlombongan & pengkuarian	82	83	79	78	0.6	-3.8	-5.6	-1.9
Pembuatan	2,245	2,284	2,257	2,321	1.7	-1.2	1.6	2.8
Pembinaan	1,313	1,331	1,280	1,249	1.4	-3.8	-6.2	-2.4
Perkhidmatan	4,421	4,477	4,368	4,414	1.3	-2.4	-1.4	1.1
<b>Jawatan diisi</b>	<b>8,345</b>	<b>8,464</b>	<b>8,281</b>	<b>8,347</b>	<b>1.4</b>	<b>-2.2</b>	<b>-1.4</b>	<b>0.8</b>
Pertanian	456	459	443	439	0.7	-3.4	-4.4	-1.0
Perlombongan & pengkuarian	82	82	79	77	0.6	-4.0	-5.8	-1.9
Pembuatan	2,132	2,174	2,159	2,218	2.0	-0.7	2.0	2.7
Pembinaan	1,291	1,308	1,259	1,227	1.3	-3.8	-6.2	-2.5
Perkhidmatan	4,384	4,440	4,341	4,386	1.3	-2.2	-1.2	1.0
<b>Kekosongan</b>	<b>197.6</b>	<b>198.0</b>	<b>175.9</b>	<b>183.6</b>	<b>0.2</b>	<b>-11.2</b>	<b>-7.3</b>	<b>4.4</b>
Pertanian	25.9	28.4	29.5	29.8	9.7	3.9	4.9	1.0
Perlombongan & pengkuarian	0.3	0.3	0.4	0.4	0.0	33.3	33.3	0.0
Pembuatan	112.7	109.4	97.8	103.6	-2.9	-10.6	-5.3	5.9
Pembinaan	21.4	22.8	21.2	22.0	6.5	-7.0	-3.5	3.8
Perkhidmatan	37.4	37.1	27.0	27.9	-0.8	-27.2	-24.8	3.3

Sumber: Statistik Guna Tenaga, ST4 2021, DOSM

## 2. Analisis Pemulihan Pasaran Buruh mengikut Sektor

Sejajar dengan perubahan dalam struktur ekonomi Malaysia sejak kemerdekaan pada tahun 1957 sehingga kini, corak guna tenaga mengikut sektor juga dapat diperhatikan dengan peningkatan peratusan guna tenaga dalam sektor Pembuatan dan Perkhidmatan. Sebaliknya, komposisi guna tenaga dalam sektor Pertanian menyusut mulai tahun 1987 dan seterusnya. Perubahan dalam struktur ekonomi Malaysia digambarkan dalam perubahan komposisi KDNK negara. Sumbangan sektor Pertanian kepada KDNK telah menyusut daripada 20.0 peratus pada 1987 kepada 7.2 peratus pada 2020. Dalam masa yang sama, sumbangan sektor Pembuatan telah berkembang pesat daripada 19.9 peratus kepada 30.7 peratus; manakala Perkhidmatan meningkat daripada 45.3 peratus kepada 51.2 peratus. Dalam keadaan tersebut, sektor Perkhidmatan adalah sektor yang dominan berbanding sektor lain.

Sejak 2018, sektor Perkhidmatan menyumbang lebih daripada 60 peratus dari keseluruhan guna tenaga di Malaysia. Guna tenaga dalam sektor ini sebahagian besarnya tertumpu di subsektor Perdagangan borong dan runcit dengan komposisi 17.1 peratus pada 2021, diikuti subsektor Makanan & minuman dan penginapan meliputi 10.7 peratus. Dapat dilihat bahawa tindakan mengawal pandemik COVID-19 telah menjejaskan beberapa industri Perkhidmatan sepanjang tahun 2020 dan 2021. Penelitian lanjut subsektor Perkhidmatan mendapati dua subsektor mengalami pengurangan guna tenaga iaitu Makanan & minuman dan penginapan; dan Pengangkutan dan penyimpanan masing-masing dengan penurunan kecil iaitu negatif 0.4 peratus dan negatif 0.1 peratus. Pengurangan ini boleh dikaitkan dengan kawalan dan sekatan operasi bagi sektor bukan keperluan utama. Menurut Persatuan Hotel Malaysia, sekurang-kurangnya 120 hotel menghentikan operasi sama ada secara sementara atau tetap pada 2020 dan 2021 dan mengalami kerugian lebih RM11.3 bilion [**Jadual 1.4**].

**Jadual 1.4:** Bilangan guna tenaga dalam subsektor Perkhidmatan berbanding prapandemik

Subsektor	Guna Tenaga ('000)				Pertumbuhan (%)			
	2018	2019	2020	2021	2019/ 2018	2020/ 2019	2021/ 2020	2021/ 2019
<b>Jumlah Perkhidmatan</b>	<b>8,880</b>	<b>9,161</b>	<b>9,206</b>	<b>9,338</b>	<b>3.2</b>	<b>0.5</b>	<b>1.4</b>	<b>1.9</b>
Utiliti	101	103	104	105	2.2	0.8	1.1	1.9
Perdagangan borong & runcit	2,449	2,529	2,557	2,615	3.3	1.1	2.2	3.4
Makanan & minuman dan penginapan	1,516	1,633	1,626	1,641	7.7	-0.4	0.9	0.5
Pengangkutan dan penyimpanan	526	539	539	535	2.6	-0.1	-0.7	-0.8
Maklumat dan komunikasi	223	236	243	250	5.6	3.1	2.5	5.8
Kewangan dan insurans	368	375	376	374	1.7	0.4	-0.5	-0.1
Hartanah dan perkhidmatan perniagaan	1,092	1,126	1,137	1,123	3.1	0.9	-1.2	-0.2
Perkhidmatan lain	2,603	2,620	2,623	2,694	0.6	0.1	2.7	2.8

Sumber: Produktiviti Buruh, ST4 2021, DOSM


Walaupun lebih banyak aktiviti ekonomi dibenarkan beroperasi semula pada tahun 2021, subsektor Kewangan dan insurans; serta Hartanah dan perkhidmatan perniagaan mencatatkan penurunan bilangan guna tenaga iaitu masing-masing sebanyak negatif 0.5 peratus dan negatif 1.2 peratus berbanding 2020. Sementara itu, bagi perbandingan antara tahun 2021 dengan 2019, Pengangkutan dan penyimpanan masih merekodkan pertumbuhan negatif (-0.8%) menunjukkan belum ada pemulihan untuk industri ini.

Berikutan peningkatan penggunaan perkhidmatan digital semasa sekatan fizikal disebabkan oleh pandemik, satu subsektor dalam sektor Perkhidmatan telah menunjukkan pertambahan guna tenaga yang ketara iaitu Maklumat dan komunikasi. Subsektor ini merekodkan pertambahan guna tenaga sebanyak 3.2 peratus pada 2020, diikuti dengan kenaikan 2.5 peratus pada 2021.

Dalam tempoh krisis selama dua tahun, industri berkaitan pelancongan seperti Makanan & minuman dan penginapan; serta Pengangkutan & penyimpanan masih belum menunjukkan sebarang pemulihan dalam pasaran buruh. Sebahagian besar subsektor ini masih merekodkan bilangan pekerja yang lebih rendah berbanding sebelum krisis. Seiring dengan jangkaan Pertubuhan Pelancongan Sedunia (WTO) yang mana industri pelancongan akan mengambil tempoh yang lama sebelum kembali kepada prestasi prapandemik, pemulihan industri turut bergantung kepada aktiviti pelancongan. Bagi 2020, nilai ditambah kasar bagi pelancongan turun 17.1 peratus manakala sumbangan kepada KDNK merosot kepada 14.1 peratus berbanding 15.9 peratus pada 2019. Guna tenaga dalam sektor ini jatuh 2.9 peratus kepada 3.46 juta (2019: 3.56 juta orang) menyumbang 23.1 peratus daripada guna tenaga nasional. Pada masa ini, usaha sedang digerakkan bagi menggalakkan pelancongan domestik yang mana gelembung pelancongan pada 2021 dipromosikan ke arah pengalaman pelancongan yang selamat. Berikutan usaha ini, bilangan pekerja dalam subsektor Makanan & minuman dan penginapan merekodkan peningkatan pada 2021 berbanding tahun sebelumnya, iaitu selari dengan kelonggaran kawalan pergerakan dan kebenaran untuk mengadakan aktiviti sosial dan rekreasi pada suku tahun terakhir 2021, dan selanjutnya merangsang peningkatan aktiviti pelancongan domestik.

Bagi permintaan buruh, bilangan jawatan dalam subsektor Makanan & minuman dan penginapan masih lebih rendah. Selain itu, bilangan pewujudan jawatan bagi subsektor ini turut menunjukkan penurunan tahun ke tahun.

**Carta 1.4:** Peratus perubahan tahun ke tahun jawatan dan kekosongan dalam subsektor Maklumat dan komunikasi, 2019-2021



Walaupun kebanyakan aktiviti ekonomi dalam sektor Perkhidmatan terkesan daripada pandemik COVID-19, permintaan buruh dalam subsektor Maklumat dan komunikasi mencatatkan pertumbuhan 1.7 peratus pada 2021 berbanding 2020. Dari sudut yang positif, subsektor ini turut memaparkan trend meningkat dalam pewujudan jawatan walaupun dengan bilangan yang kecil. Ini menunjukkan keupayaan sektor tersebut untuk meneruskan perniagaan ketika berdepan dengan krisis [Carta 1.4].

Secara khususnya, industri Maklumat, Komunikasi dan Teknologi (ICT) bukan sahaja akan pulih daripada krisis ekonomi ini, malah akan meningkat dengan usaha pengukuhan sekuriti siber, pelaksanaan tempat bekerja digital, pembangunan hub digital dan banyak lagi cadangan penyelesaian digital lain. Oleh itu, penambahbaikan struktur buruh akan dapat disaksikan dengan bilangan pekerja mahir yang lebih tinggi.

## Kesimpulan

Walaupun dengan permintaan dan pengeluaran yang lebih rendah menyebabkan penguncupan ekonomi yang drastik, penilaian awal ekonomi dan pasaran buruh memberi isyarat bahawa guna tenaga hanya merekodkan penurunan kecil atau kekal positif dengan kadar yang lebih perlahan. Dari sudut permintaan buruh, ini mungkin disebabkan oleh usaha mengekalkan pekerja tetapi dengan gaji dan upah yang lebih rendah semasa tempoh yang mencabar itu. Bagi penawaran buruh, ini juga mungkin kerana mereka yang kehilangan pekerjaan dalam satu industri telah beralih ke pekerjaan dalam industri lain atau bekerja sendiri demi kelangsungan hidup.

Dengan tumpuan kepada sektor Perkhidmatan yang mendominasi kedua-dua ekonomi dan guna tenaga, kejatuhan besar nilai ditambah yang dialami belum kembali kepada tahap prapandemik, namun guna tenaga dapat mengekalkan pertumbuhan marginal. Secara khususnya, penurunan yang dapat dilihat bagi guna tenaga dalam subsektor Makanan & minuman dan penginapan; dan Pengangkutan dan penyimpanan diimbangi oleh penambahan bilangan guna tenaga dalam subsektor Maklumat dan komunikasi. Sama ada perkembangan positif akan berterusan adalah bergantung kepada corak perbelanjaan masa hadapan.

Pembukaan aktiviti ekonomi dan sosial secara berterusan dalam tempoh separuh tahun ke dua telah menyumbang kepada kenaikan guna tenaga pada 2021. Pada masa yang sama, penambahan jawatan merupakan tanda permintaan yang lebih tinggi walaupun masih merekodkan bilangan yang lebih rendah berbanding tempoh sebelum krisis. Walau bagaimanapun, Pengangkutan dan penyimpanan belum menunjukkan tanda pemulihan dengan merekodkan bilangan guna tenaga yang lebih rendah pada 2021 berbanding 2019. Dua subsektor lain yang menunjukkan prestasi yang lebih rendah berbanding 2019 adalah Kewangan dan insurans; dan Hartanah dan perkhidmatan perniagaan. Oleh itu, penilaian lanjut diperlukan dalam menilai kejatuhan guna tenaga berbanding indikator makroekonomi yang lain sebelum dapat diputuskan bahawa subsektor ini terkesan akibat krisis kesihatan awam. Sebagaimana yang digariskan dalam sorotan kajian di atas, trend perniagaan di seluruh dunia telah menunjukkan potensi perubahan dalam perkhidmatan maklumat, kewangan dan insurans, penyelidikan dan pembangunan, pelancongan dan komoditi. Dengan pelbagai risiko selain virus ini seperti geopolitik, perubahan teknologi dan inflasi, pemulihan sektoral berkemungkinan adalah lebih kompleks daripada yang dijangka.

Perlu diberi perhatian bahawa dapatan daripada artikel ini hanya dapat memberikan pemahaman mengenai trend pemulihan pasaran buruh mengikut sektor dalam konteks prestasi ekonomi serta permintaan dan penawaran buruh. Sehubungan itu, analisis lanjut yang lebih terperinci perlu dilaksanakan bagi memahami faktor yang menyumbang kepada perubahan pasaran buruh mengikut sektor di samping mengenal pasti pemulihan dan kemerosotan sektoral.

## Penafian

Pandangan yang dikemukakan dalam rencana ini adalah pandangan penulis dan tidak semestinya mewakili DOSM.

## Penghargaan

Penulis mengucapkan terima kasih kepada Nur Layali Mohd Ali Khan dan Noraliza Mohamad Ali dari Biro Statistik Buruh Malaysia yang telah menyumbangkan pandangan, kepakaran dan bimbingan dalam penghasilan dan penambahbaikan artikel ini.

## Rujukan

- Adam, A. (2021). *Report: At least 120 hotels in Malaysia have shut due to Covid-19 impact, says association*. Retrieved from Yahoo!news.
- Bheemaiah, K., Esposito, M., & Tse, T. (2020, December 22). *Are we experiencing a K shaped recovery from COVID-19?* Retrieved from World Economic Forum: <https://www.weforum.org/agenda/2020/12/k-shaped-covid19-coronavirus-recovery/>
- Bowman, S. (2022, January 10). *4 Key Business Trends For 2022*. Retrieved from Forbes: <https://www.forbes.com/sites/forbesagencycouncil/2022/01/10/4-key-business-trends-for-2022/?sh=78b292d3154b>
- De Backer, B., Dewachter, H., & Lania, L. (2021). Macrofinancial information on the post-COVID-19 economic recovery: Will it be V, U or L-shaped? *Finance Research Letters*, 43, 101978. doi:<https://doi.org/10.1016/j.frl.2021.101978>
- Department of Statistics Malaysia (DOSM). (2021). *Labour Market Review Fourth Quarter 2021*.
- Dua, A., Mahajan, D., Oyer, L., & Ramaswamy, S. (2020, July 7). *US small-business recovery after the COVID-19 crisis*. Retrieved from McKinsey & Company: <https://www.mckinsey.com/industries/public-and-social-sector/our-insights/us-small-business-recovery-after-the-covid-19-crisis>
- Financial Times. (2021, December 30). *Business Trends, Risks and People to Watch in 2022*. Retrieved from Financial Times: <https://www.ft.com/content/63c5fab2-e695-4f72-9f9e-3ee5e5b90270>
- Francisco, S. (2022, January 1). *Which economies have done best and worst during the pandemic?* Retrieved from The Economist: <https://www.economist.com/finance-and-economics/which-economies-have-done-best-and-worst-during-the-pandemic/21806917>
- International Labour Organization (ILO). (2021). *ILO Monitor: COVID-19 and the world of work. Seventh edition Updated estimates and analysis*.
- International Monetary Fund (IMF). (2022). *IMF Staff Proposal to End the COVID-19 Pandemic*. Retrieved 2022, from International Monetary Fund: <https://www.imf.org/en/Topics/imf-and-covid19/imf-staff-pandemic-proposal>
- J.P. Morgan. (2020, April 20). *What Will the Recovery Look Like From the COVID-19 Recession?* Retrieved from J.P. Morgan: <https://www.jpmorgan.com/insights/research/2020-covid19-recession-recovery>
- Sharma, D., Bouchaud, J.-P., Gualdi, S., Tarzia, M., & Zamponi, F. (2020). V-, U-, L-, or W-shaped recovery after COVID? Insights from an Agent Based Model. *PLoS One*, 16(3). doi:<https://doi.org/10.1371/journal.pone.0247823>
- Standage, T. (2021, November 21). *Ten Trends to Watch in The Coming Year*. Retrieved from The Economist: <https://www.economist.com/the-world-ahead/2021/11/08/ten-trends-to-watch-in-the-coming-year>
- Szczygielski, J., Charteris, A., Bwanya, P., & Brzeszczyński, J. (2022). The impact and role of COVID-19 uncertainty: A global industry analysis. *International Review of Financial Analysis*, 80, 101837. doi:<https://doi.org/10.1016/j.irfa.2021.101837>
- World Bank. (2021). *Global Recovery Strong but Uneven as Many Developing Countries Struggle with the Pandemic's Lasting Effects*. Washington: World Bank.
- World Bank. (2022). *Global Economic Prospects*. Washington, DC: World Bank.

**Jadual Ringkasan** ST4

**Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong**

Jadual A: Penawaran Buruh, Malaysia, ST1 2019 - ST4 2021

## 1. Profil Tenaga Buruh

Indikator	Unit	2019				2020				2021			
		ST1	ST2	ST3	ST4	ST1	ST2	ST3	ST4	ST1	ST2	ST3	ST4
<b>Tenaga buruh</b>	( <b>'000</b> )	15,526.8	15,598.8	15,674.3	15,766.7	15,790.1	15,675.5	15,840.6	15,922.3	16,008.4	15,972.2	16,021.0	16,135.0
<b>Jantina</b>													
Lelaki	( <b>'000</b> )	9,469.5	9,492.5	9,529.1	9,589.2	9,625.5	9,583.0	9,689.3	9,738.4	9,778.9	9,729.1	9,772.6	9,858.4
Perempuan	( <b>'000</b> )	6,057.3	6,106.3	6,145.2	6,177.5	6,164.6	6,092.5	6,151.3	6,183.9	6,229.5	6,243.1	6,248.4	6,276.6
<b>Kumpulan umur</b>													
15-24	( <b>'000</b> )	2,725.4	2,756.4	2,825.9	2,820.2	2,648.9	2,622.2	2,566.6	2,588.6	2,624.6	2,580.2	2,595.9	2,685.1
25-34	( <b>'000</b> )	5,313.5	5,264.8	5,224.6	5,408.7	5,383.1	5,321.2	5,297.7	5,426.0	5,304.7	5,331.1	5,333.5	5,564.5
35-44	( <b>'000</b> )	3,666.2	3,665.0	3,724.5	3,688.7	3,785.7	3,765.6	3,819.4	3,832.0	4,061.6	3,929.6	4,078.3	4,104.1
45-54	( <b>'000</b> )	2,591.1	2,669.5	2,640.3	2,641.3	2,624.7	2,643.6	2,711.4	2,676.1	2,664.4	2,707.1	2,690.6	2,608.5
55-64	( <b>'000</b> )	1,230.6	1,243.1	1,259.0	1,207.8	1,347.7	1,322.9	1,445.5	1,399.5	1,353.0	1,424.2	1,322.7	1,172.8
<b>Kumpulan etnik</b>													
Warganegara	( <b>'000</b> )	13,208.6	13,307.6	13,522.6	13,339.1	13,466.8	13,322.1	13,481.7	13,719.8	13,748.8	13,678.4	13,745.3	13,941.8
Bumiputera	( <b>'000</b> )	8,765.8	8,814.3	8,908.1	8,939.6	8,958.8	8,818.3	8,926.2	9,077.1	9,057.4	9,243.4	9,302.4	9,297.0
Cina	( <b>'000</b> )	3,342.8	3,385.4	3,506.5	3,313.8	3,385.3	3,387.2	3,460.7	3,454.4	3,492.0	3,414.9	3,321.2	3,453.2
India	( <b>'000</b> )	982.6	995.9	994.1	972.3	1,002.0	1,006.0	992.3	1,067.8	1,099.4	953.0	1,028.6	1,048.5
Lain-lain	( <b>'000</b> )	117.4	112.0	114.0	113.4	120.7	110.5	102.6	120.4	99.9	67.1	93.1	143.1
Bukan warganegara	( <b>'000</b> )	2,318.2	2,291.1	2,151.7	2,427.6	2,323.3	2,353.5	2,358.9	2,202.5	2,259.6	2,293.9	2,275.7	2,193.2
<b>Pencapaian pendidikan</b>													
Tiada pendidikan rasmi	( <b>'000</b> )	437.9	472.3	472.5	470.9	448.4	442.5	382.2	358.0	455.0	584.9	624.3	596.8
Rendah	( <b>'000</b> )	1,948.2	1,835.8	1,795.3	1,919.8	1,809.6	1,618.7	1,655.5	1,641.6	1,650.4	1,526.9	1,360.1	1,389.9
Menengah	( <b>'000</b> )	8,519.9	8,807.7	8,680.4	8,777.7	8,834.3	8,783.0	8,771.5	8,595.4	8,667.4	8,675.1	8,834.7	9,019.5
Tertiari	( <b>'000</b> )	4,620.8	4,483.0	4,726.1	4,598.3	4,697.9	4,831.3	5,031.5	5,327.3	5,235.5	5,185.3	5,202.0	5,128.9
<b>Kadar penyertaan tenaga buruh</b>	( <b>%</b> )	68.7	68.8	68.9	69.1	68.8	68.1	68.4	68.5	68.6	68.3	68.3	68.7
<b>Jantina</b>													
Lelaki	( <b>%</b> )	80.9	80.8	80.9	81.1	80.8	80.2	80.5	80.7	80.9	80.8	80.9	81.0
Perempuan	( <b>%</b> )	55.7	55.8	56.0	56.1	55.8	55.0	55.3	55.3	55.4	55.0	55.0	55.4
<b>Kumpulan umur</b>													
15-24	( <b>%</b> )	44.6	45.0	46.0	45.9	43.3	42.8	41.8	42.4	43.2	42.8	42.6	43.6
25-34	( <b>%</b> )	86.7	85.2	84.4	86.7	86.0	84.8	84.5	85.5	83.9	85.3	83.7	87.4
35-44	( <b>%</b> )	83.3	83.1	84.0	83.0	83.5	82.8	83.1	83.0	86.1	84.1	85.9	86.6
45-54	( <b>%</b> )	76.3	78.2	77.1	76.9	76.7	76.9	78.3	77.1	76.3	77.0	76.8	74.4
55-64	( <b>%</b> )	48.2	48.5	48.9	46.9	51.4	50.2	53.6	51.8	49.9	48.6	48.4	43.1
<b>Kumpulan etnik</b>													
Warganegara	( <b>%</b> )	66.5	66.7	67.6	66.4	66.7	65.8	66.1	67.0	67.2	66.6	66.6	67.3
Bumiputera	( <b>%</b> )	65.3	65.2	65.7	65.6	65.3	64.1	64.4	65.2	64.9	65.8	66.0	65.7
Cina	( <b>%</b> )	69.9	70.8	73.2	69.1	70.5	70.4	71.4	71.3	72.3	69.6	68.7	71.2
India	( <b>%</b> )	66.8	67.6	67.1	65.5	67.0	67.2	66.0	70.8	71.8	63.5	66.4	69.1
Lain-lain	( <b>%</b> )	68.5	63.6	67.5	68.5	69.5	62.2	61.7	66.7	65.5	90.2	67.2	68.3
Bukan warganegara	( <b>%</b> )	84.6	83.4	77.9	88.2	84.2	84.7	84.9	79.3	79.1	80.2	80.6	79.0
<b>Pencapaian pendidikan</b>													
Tiada pendidikan rasmi	( <b>%</b> )	61.3	62.4	59.7	63.4	63.7	61.7	58.7	55.9	58.7	62.3	61.2	63.4
Rendah	( <b>%</b> )	72.0	71.2	69.7	72.4	71.8	70.0	70.7	69.9	69.1	67.2	66.2	68.4
Menengah	( <b>%</b> )	67.8	68.5	68.2	68.4	67.6	67.1	66.9	63.6	64.8	66.2	67.0	67.1
Tertiari	( <b>%</b> )	69.9	68.9	70.8	69.7	70.5	70.0	71.4	79.0	77.3	73.3	72.4	72.4

Sumber: Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia, ST4 2021, DOSM

## Jadual A: Penawaran Buruh, Malaysia, ST1 2019 - ST4 2021

## 2. Profil Penduduk Bekerja

Indikator	Unit	2019				2020				2021			
		ST1	ST2	ST3	ST4	ST1	ST2	ST3	ST4	ST1	ST2	ST3	ST4
<b>Penduduk bekerja</b>	('000)	15,010.2	15,078.2	15,162.1	15,254.5	15,243.5	14,883.7	15,095.6	15,161.6	15,236.5	15,207.3	15,274.8	15,440.7
<b>Jantina</b>													
Lelaki	('000)	9,149.6	9,175.5	9,228.7	9,290.8	9,294.5	9,129.1	9,229.8	9,273.1	9,314.1	9,285.0	9,335.9	9,444.3
Perempuan	('000)	5,860.5	5,902.7	5,933.5	5,963.7	5,949.0	5,754.7	5,865.8	5,888.6	5,922.4	5,922.3	5,938.9	5,996.3
<b>Kumpulan umur</b>													
15-24	('000)	2,445.7	2,469.4	2,537.3	2,541.3	2,357.5	2,295.5	2,244.2	2,257.9	2,307.3	2,297.1	2,291.8	2,372.0
25-34	('000)	5,150.4	5,104.2	5,057.7	5,249.6	5,217.8	5,047.0	5,064.0	5,169.4	5,073.7	5,067.8	5,088.3	5,320.0
35-44	('000)	3,623.7	3,625.2	3,693.3	3,645.1	3,740.2	3,679.6	3,738.6	3,755.8	3,957.3	3,854.6	4,005.0	4,023.9
45-54	('000)	2,567.2	2,644.6	2,619.7	2,617.8	2,590.2	2,576.0	2,664.5	2,624.0	2,605.9	2,624.9	2,620.3	2,566.0
55-64	('000)	1,223.0	1,234.9	1,254.2	1,200.8	1,337.8	1,285.7	1,384.2	1,354.6	1,292.3	1,363.0	1,269.5	1,158.7
<b>Kumpulan etnik</b>													
Warganegara	('000)	12,732.7	12,831.4	13,056.4	12,867.1	12,986.9	12,636.2	12,841.6	13,065.0	13,085.2	13,022.6	13,105.8	13,351.0
Bumiputera	('000)	8,438.4	8,481.7	8,572.5	8,605.8	8,617.8	8,356.4	8,528.3	8,649.1	8,610.9	8,785.7	8,852.0	8,880.5
Cina	('000)	3,249.7	3,295.9	3,429.6	3,238.3	3,303.2	3,242.5	3,288.2	3,306.3	3,334.4	3,274.9	3,199.3	3,328.2
India	('000)	934.8	949.8	947.8	913.9	954.4	934.7	932.7	1,004.0	1,047.0	899.0	964.4	1,003.4
Lain-lain	('000)	109.8	103.9	106.5	109.1	111.5	102.5	92.3	105.6	92.8	62.9	90.2	138.8
Bukan warganegara	('000)	2,277.4	2,246.9	2,105.7	2,387.4	2,256.6	2,247.5	2,254.1	2,096.6	2,151.3	2,184.7	2,169.0	2,089.6
<b>Pencapaian pendidikan</b>													
Tiada pendidikan rasmi	('000)	430.1	457.1	457.3	459.2	423.3	413.9	354.5	339.8	417.6	546.5	582.8	549.3
Rendah	('000)	1,916.1	1,801.7	1,755.6	1,894.7	1,759.9	1,556.0	1,582.5	1,576.1	1,567.8	1,473.3	1,300.3	1,351.3
Menengah	('000)	8,220.6	8,504.1	8,418.3	8,470.4	8,532.5	8,326.5	8,367.0	8,194.9	8,239.7	8,271.9	8,419.7	8,633.9
Tertiari	('000)	4,443.4	4,315.3	4,531.1	4,430.2	4,527.8	4,587.3	4,791.7	5,050.9	5,011.4	4,915.6	4,971.9	4,906.2
<b>Taraf pekerjaan</b>													
Majikan	('000)	572.6	569.6	596.7	520.7	585.1	499.6	451.4	485.1	491.4	460.0	476.8	486.9
Pekerja	('000)	11,043.5	11,253.0	11,404.0	11,580.2	11,378.2	11,270.4	11,526.7	11,703.8	11,677.1	11,610.5	11,692.7	11,772.3
Bekerja sendiri	('000)	2,819.3	2,676.8	2,626.7	2,588.3	2,658.8	2,516.3	2,533.3	2,439.5	2,534.0	2,611.8	2,581.5	2,651.5
Pekerja keluarga tanpa gaji	('000)	574.7	578.9	534.8	565.3	621.4	597.4	584.3	533.3	534.1	525.0	523.8	529.9
<b>Pekerjaan</b>													
Pengurus	('000)	698.8	736.5	735.3	665.1	683.0	774.8	752.0	845.8	811.2	631.2	594.1	610.1
Profesional	('000)	1,941.6	1,879.5	1,851.8	1,907.2	1,958.6	1,923.9	1,910.5	1,937.6	2,179.4	2,013.0	1,967.0	1,978.0
Juruteknik dan profesional bersekutu	('000)	1,532.1	1,514.6	1,612.7	1,631.5	1,614.1	1,564.2	1,732.4	1,775.1	1,879.3	1,705.7	1,695.6	1,707.5
Pekerja sokongan perkeranian	('000)	1,258.8	1,277.3	1,335.9	1,336.1	1,371.6	1,318.8	1,302.4	1,322.5	1,507.8	1,641.6	1,704.6	1,728.4
Pekerja perkhidmatan dan jualan	('000)	3,451.5	3,503.4	3,628.3	3,480.2	3,572.1	3,530.9	3,513.5	3,536.7	3,499.4	3,737.5	3,822.8	3,920.8
Pekerja mahir pertanian, perhutanan, penternakan dan perikanan	('000)	921.2	919.2	857.3	917.1	945.4	921.3	872.6	900.0	788.9	719.0	695.1	666.9
Pekerja kemahiran dan pekerja pertukangan yang berkaitan	('000)	1,552.3	1,512.6	1,443.3	1,381.6	1,385.8	1,384.0	1,426.1	1,302.7	1,221.8	1,304.9	1,284.8	1,285.7
Operator mesin dan loji, dan pemasang	('000)	1,667.1	1,806.3	1,874.0	1,882.7	1,772.2	1,641.2	1,713.7	1,799.3	1,617.9	1,649.5	1,637.1	1,641.4
Pekerja asas	('000)	1,986.7	1,928.9	1,823.5	2,053.0	1,940.5	1,824.7	1,872.4	1,742.0	1,730.9	1,804.8	1,873.8	1,901.6
<b>Kemahiran</b>													
Mahir	('000)	4,172.5	4,130.6	4,199.9	4,203.8	4,255.7	4,262.8	4,394.9	4,558.5	4,869.9	4,350.0	4,256.7	4,295.7
Separuh mahir	('000)	8,850.9	9,018.8	9,138.8	8,997.6	9,047.1	8,796.3	8,828.2	8,861.2	8,635.8	9,052.5	9,144.3	9,243.4
Berkemahiran rendah	('000)	1,986.7	1,928.9	1,823.5	2,053.0	1,940.5	1,824.7	1,872.4	1,742.0	1,730.9	1,804.8	1,873.8	1,901.6
<b>Nisbah guna tenaga kepada penduduk</b>	(%)	66.4	66.5	66.6	66.8	66.4	64.6	65.2	65.2	65.3	65.0	65.1	65.7

Sumber: Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia, ST4 2021, DOSM

Jadual A: Penawaran Buruh, Malaysia, ST1 2019 - ST4 2021

## 3. Profil Guna Tenaga Tidak Penuh

Indikator	Unit	2019				2020				2021			
		ST1	ST2	ST3	ST4	ST1	ST2	ST3	ST4	ST1	ST2	ST3	ST4
Bekerja kurang dari 30 jam	('000)	352.6	374.3	326.6	304.0	667.5	789.6	403.8	533.7	441.9	474.1	464.6	393.8
<b>Jantina</b>													
Lelaki	('000)	143.7	171.5	118.9	112.3	320.1	444.0	151.4	345.6	281.3	317.8	282.9	137.6
Perempuan	('000)	209.0	202.8	207.6	191.8	347.4	345.7	252.4	188.0	160.5	156.3	181.6	256.2
<b>Kumpulan umur</b>													
15-24	('000)	52.2	43.6	42.5	39.1	91.0	134.6	116.1	165.5	57.0	102.2	69.0	87.0
25-34	('000)	90.9	84.1	73.6	62.9	189.1	229.1	118.0	189.5	209.4	110.1	166.4	108.4
35-44	('000)	68.9	87.8	79.7	72.8	146.5	182.0	72.1	71.0	106.3	95.9	123.7	97.5
45 dan keatas	('000)	140.7	158.8	130.8	129.3	240.9	244.0	97.6	107.6	69.2	165.9	105.4	100.9
Guna tenaga tidak penuh berkaitan masa	('000)	210.5	204.5	178.7	170.7	383.2	413.5	300.8	369.1	310.5	329.7	326.2	293.1
<b>Jantina</b>													
Lelaki	('000)	98.0	107.2	70.4	69.2	183.2	257.6	102.3	267.8	226.7	236.1	232.2	101.2
Perempuan	('000)	112.5	97.2	108.2	101.5	199.9	156.0	198.5	101.3	83.8	93.5	93.9	191.9
<b>Kumpulan umur</b>													
15-24	('000)	43.6	32.0	28.6	28.7	63.2	76.3	108.4	130.3	46.4	86.6	40.4	80.8
25-34	('000)	61.4	53.8	44.8	44.2	114.1	99.3	97.2	117.4	159.3	82.6	137.0	78.9
35-44	('000)	36.9	45.7	50.9	40.6	82.4	106.1	47.4	53.1	67.2	46.6	87.7	70.2
45 dan keatas	('000)	68.6	73.0	54.4	57.1	123.5	131.9	47.8	68.4	37.6	113.8	61.0	63.2
Guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran	('000)	1,460.8	1,417.2	1,554.5	1,540.9	1,637.3	1,674.1	1,762.7	1,886.8	1,899.9	1,852.5	1,873.8	1,838.3
<b>Jantina</b>													
Lelaki	('000)	673.2	665.3	699.3	746.8	815.1	847.7	865.9	1,066.6	951.5	949.0	931.7	877.1
Perempuan	('000)	787.6	751.9	855.2	794.1	822.2	826.4	896.9	820.2	948.4	903.5	942.2	961.2
<b>Kumpulan umur</b>													
15-24	('000)	329.5	338.6	393.5	348.4	338.3	393.7	405.1	353.5	437.2	336.9	426.8	309.0
25-34	('000)	696.4	666.0	705.8	732.4	786.3	701.9	811.4	862.6	848.4	776.0	835.3	816.4
35-44	('000)	263.0	259.7	279.1	287.4	310.8	331.6	355.3	443.0	401.7	426.1	392.0	454.6
45 dan keatas	('000)	172.0	152.8	176.0	172.7	201.8	246.9	190.9	227.6	212.5	313.5	219.7	258.3
Kadar guna tenaga tidak penuh berkaitan masa	(%)	1.4	1.4	1.2	1.1	2.5	2.8	2.0	2.4	2.0	2.2	2.1	1.9
Kadar guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran	(%)	32.9	32.8	34.3	34.8	36.2	36.5	36.8	37.4	37.9	37.7	37.7	37.5

Sumber: Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia, ST4 2021, DOSM

Jadual A: Penawaran Buruh, Malaysia, ST1 2019 - ST4 2021

## 4. Profil Pengangguran

Indikator	Unit	2019				2020				2021			
		ST1	ST2	ST3	ST4	ST1	ST2	ST3	ST4	ST1	ST2	ST3	ST4
<b>Penganggur</b>	<b>('000)</b>	<b>516.6</b>	<b>520.6</b>	<b>512.1</b>	<b>512.2</b>	<b>546.6</b>	<b>791.8</b>	<b>745.0</b>	<b>760.7</b>	<b>771.8</b>	<b>764.9</b>	<b>746.2</b>	<b>694.4</b>
<b>Jantina</b>													
Lelaki	('000)	319.9	317.0	300.5	298.4	331.0	453.9	459.5	465.3	464.8	444.1	436.7	414.1
Perempuan	('000)	196.7	203.6	211.7	213.8	215.7	337.9	285.5	295.3	307.0	320.8	309.5	280.2
<b>Kumpulan umur</b>													
15-24	('000)	279.6	287.0	288.6	278.9	291.4	326.7	322.3	330.8	317.4	283.1	304.1	313.1
25-34	('000)	163.1	160.6	166.9	159.1	165.3	274.3	233.7	256.6	231.0	263.3	245.3	244.5
35-44	('000)	42.5	39.8	31.2	43.6	45.5	86.0	80.7	76.2	104.3	75.0	73.4	80.2
45-54	('000)	23.9	24.9	20.6	23.6	34.6	67.7	46.9	52.1	58.5	82.2	70.3	42.5
55-64	('000)	7.5	8.2	4.8	7.0	9.9	37.2	61.4	45.0	60.7	61.3	53.1	14.1
<b>Kumpulan etnik</b>													
Warganegara	('000)	475.9	476.3	466.2	472.1	480.0	685.8	640.2	654.8	663.6	655.8	639.5	590.8
Bumiputera	('000)	327.3	332.6	335.6	333.8	341.0	461.8	397.8	428.0	446.5	457.7	450.5	416.5
Cina	('000)	93.1	89.5	76.8	75.5	82.2	144.7	172.5	148.1	157.6	140.0	121.9	125.0
India	('000)	47.8	46.1	46.3	58.5	47.6	71.3	59.6	63.8	52.4	54.0	64.2	45.0
Lain-lain	('000)	7.6	8.1	7.5	4.4	9.2	8.0	10.2	14.8	7.1	4.2	2.9	4.3
Bukan warganegara	('000)	40.8	44.3	45.9	40.2	66.7	106.0	104.8	105.9	108.3	109.1	106.7	103.6
<b>Kategori menganggur</b>													
Penganggur aktif	('000)	373.1	383.3	371.3	363.0	356.9	485.7	592.2	634.4	640.1	663.4	658.1	611.0
<b>Tempoh masa menganggur</b>													
Kurang dari 3 bulan	('000)	171.6	172.6	164.1	164.6	159.0	240.7	294.2	285.8	316.1	385.0	331.6	353.5
3 bulan hingga kurang dari 6 bulan	('000)	95.2	123.6	119.5	109.8	94.7	149.9	152.9	193.1	165.3	143.0	177.8	149.8
6 bulan hingga kurang dari 1 tahun	('000)	62.2	54.2	53.9	46.9	57.7	64.2	92.0	88.5	89.9	71.6	90.6	62.5
Lebih dari 1 tahun	('000)	44.2	32.9	33.7	41.7	45.5	30.8	53.1	67.0	68.7	63.8	58.1	45.2
Penganggur tak aktif	('000)	143.5	137.3	140.8	149.3	189.8	306.1	152.8	126.2	131.7	101.6	88.1	83.4
<b>Kadar pengangguran</b>	<b>(%)</b>	<b>3.3</b>	<b>3.3</b>	<b>3.3</b>	<b>3.2</b>	<b>3.5</b>	<b>5.1</b>	<b>4.7</b>	<b>4.8</b>	<b>4.8</b>	<b>4.8</b>	<b>4.7</b>	<b>4.3</b>
<b>Jantina</b>													
Lelaki	(%)	3.4	3.3	3.2	3.1	3.4	4.7	4.7	4.8	4.8	4.6	4.5	4.2
Perempuan	(%)	3.2	3.3	3.4	3.5	3.5	5.5	4.6	4.8	4.9	5.1	5.0	4.5
<b>Kumpulan umur</b>													
15-24	(%)	10.3	10.4	10.2	9.9	11.0	12.5	12.6	12.8	12.1	11.0	11.7	11.7
25-34	(%)	3.1	3.1	3.2	2.9	3.1	5.2	4.4	4.7	4.4	4.9	4.6	4.4
35-44	(%)	1.2	1.1	0.8	1.2	1.2	2.3	2.1	2.0	2.6	1.9	1.8	2.0
45-54	(%)	0.9	0.9	0.8	0.9	1.3	2.6	1.7	1.9	2.2	3.0	2.6	1.6
55-64	(%)	0.6	0.7	0.4	0.6	0.7	2.8	4.2	3.2	4.5	4.3	4.0	1.2
<b>Kumpulan etnik</b>													
Warganegara	(%)	3.6	3.6	3.4	3.5	3.6	5.1	4.7	4.8	4.8	4.8	4.7	4.2
Bumiputera	(%)	3.7	3.8	3.8	3.7	3.8	5.2	4.5	4.7	4.9	5.0	4.8	4.5
Cina	(%)	2.8	2.6	2.2	2.3	2.4	4.3	5.0	4.3	4.5	4.1	3.7	3.6
India	(%)	4.9	4.6	4.7	6.0	4.8	7.1	6.0	6.0	4.8	5.7	6.2	4.3
Lain-lain	(%)	6.5	7.2	6.6	3.8	7.6	7.2	10.0	12.3	7.1	6.2	3.1	3.0
Bukan warganegara	(%)	1.8	1.9	2.1	1.7	2.9	4.5	4.4	4.8	4.8	4.8	4.7	4.7

Sumber: Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia, ST4 2021, DOSM

## Jadual A: Penawaran Buruh, Malaysia, ST1 2019 - ST4 2021

## 5. Profil Luar Tenaga Buruh

Indikator	Unit	2019				2020				2021			
		ST1	ST2	ST3	ST4	ST1	ST2	ST3	ST4	ST1	ST2	ST3	ST4
Luar tenaga buruh	('000)	7,064.2	7,088.1	7,088.7	7,066.1	7,163.1	7,350.5	7,324.6	7,318.4	7,316.0	7,424.9	7,430.1	7,361.5
<b>Jantina</b>													
Lelaki	('000)	2,241.5	2,255.0	2,252.5	2,233.3	2,280.7	2,364.7	2,342.5	2,325.1	2,303.4	2,314.3	2,311.3	2,306.5
Perempuan	('000)	4,822.7	4,833.0	4,836.2	4,832.8	4,882.5	4,985.8	4,982.1	4,993.2	5,012.6	5,110.6	5,118.8	5,055.0
<b>Kumpulan umur</b>													
15-24	('000)	3,384.8	3,363.7	3,316.2	3,321.1	3,467.8	3,509.0	3,568.7	3,513.7	3,455.7	3,447.4	3,500.8	3,470.8
25-34	('000)	813.6	913.3	962.8	827.3	873.6	954.3	972.1	922.3	1,018.3	920.2	1,036.4	805.3
35-44	('000)	734.3	746.4	709.8	753.1	746.2	783.5	778.8	783.1	657.8	741.6	667.0	637.0
45-54	('000)	807.0	744.9	786.1	795.6	798.9	792.0	751.8	796.8	826.5	807.8	813.6	899.1
55-64	('000)	1,324.5	1,319.8	1,313.8	1,368.9	1,276.7	1,311.6	1,253.3	1,302.4	1,357.7	1,507.9	1,412.3	1,549.3
<b>Sebab tidak mencari kerja</b>													
Masih belajar/ program latihan	('000)	2,975.8	2,875.9	2,867.5	3,051.4	3,082.8	3,115.5	2,872.1	3,105.3	3,161.9	3,117.4	3,082.9	3,106.1
Kerja rumah/ keluarga	('000)	2,910.6	2,973.3	2,982.0	2,940.8	3,036.4	3,179.1	3,223.0	3,107.6	2,999.7	3,233.4	3,273.7	2,982.1
Akan melanjutkan pelajaran	('000)	142.9	181.7	72.6	38.4	97.8	159.5	178.7	148.9	72.4	110.6	159.3	257.3
Hilang upaya	('000)	305.4	296.9	385.2	308.8	306.6	283.1	216.2	169.9	189.7	134.7	125.1	185.4
Tidak berminat/ baru menghabiskan pelajaran	('000)	79.9	78.2	72.8	56.3	47.4	55.6	236.2	127.0	270.0	235.7	257.6	172.0
Bersara/ lanjut umur	('000)	649.6	682.1	708.6	670.4	592.1	557.6	598.3	659.7	622.2	593.2	531.5	658.6

Sumber: Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia, ST4 2021, DOSM

## Jadual A: Penawaran Buruh, Malaysia, ST1 2019 - ST4 2021

## 6. Statistik Utama Tenaga Buruh mengikut Negeri

Indikator	Unit	2019				2020				2021			
		ST1	ST2	ST3	ST4	ST1	ST2	ST3	ST4	ST1	ST2	ST3	ST4
<b>Malaysia</b>													
Tenaga buruh	('000)	15,526.8	15,598.8	15,674.3	15,766.7	15,790.1	15,675.5	15,840.6	15,922.3	16,008.4	15,972.2	16,021.0	16,135.0
Bekerja	('000)	15,010.2	15,078.2	15,162.1	15,254.5	15,243.5	14,883.7	15,095.6	15,161.6	15,236.5	15,207.3	15,274.8	15,440.7
Penganggur	('000)	516.6	520.6	512.1	512.2	546.6	791.8	745.0	760.7	771.8	764.9	746.2	694.4
Luar tenaga buruh	('000)	7,064.2	7,088.1	7,088.7	7,066.1	7,163.1	7,350.5	7,324.6	7,318.4	7,316.0	7,424.9	7,430.1	7,361.5
Kadar penyertaan tenaga buruh	(%)	68.7	68.8	68.9	69.1	68.8	68.1	68.4	68.5	68.6	68.3	68.3	68.7
Kadar pengangguran	(%)	3.3	3.3	3.3	3.2	3.5	5.1	4.7	4.8	4.8	4.8	4.7	4.3
<b>Johor</b>													
Tenaga buruh	('000)	1,792.4	1,920.9	1,714.6	1,783.5	1,771.9	1,754.1	1,858.7	1,824.4	1,793.4	1,766.4	1,807.6	1,839.5
Bekerja	('000)	1,743.2	1,869.1	1,666.2	1,736.0	1,714.4	1,673.0	1,792.2	1,752.4	1,722.6	1,698.6	1,735.2	1,774.2
Penganggur	('000)	49.3	51.8	48.4	47.5	57.5	81.2	66.5	72.0	70.8	67.8	72.4	65.3
Luar tenaga buruh	('000)	763.4	642.9	858.3	797.9	823.3	857.4	793.9	854.1	846.6	847.6	824.0	807.6
Kadar penyertaan tenaga buruh	(%)	70.1	74.9	66.6	69.1	68.3	67.2	70.1	68.1	67.9	67.6	68.7	69.5
Kadar pengangguran	(%)	2.8	2.7	2.8	2.7	3.2	4.6	3.6	3.9	3.9	3.8	4.0	3.6
<b>Kedah</b>													
Tenaga buruh	('000)	956.9	963.2	942.3	943.0	982.2	978.2	961.7	956.9	975.5	997.8	1,028.9	1,014.2
Bekerja	('000)	928.5	936.2	911.9	914.1	946.2	937.9	919.5	918.7	940.3	959.0	990.1	975.3
Penganggur	('000)	28.3	27.0	30.4	28.9	36.0	40.3	42.2	38.2	35.2	38.8	38.8	38.9
Luar tenaga buruh	('000)	536.1	542.6	567.6	568.4	540.5	550.4	575.0	584.3	569.1	555.4	528.9	548.5
Kadar penyertaan tenaga buruh	(%)	64.1	64.0	62.4	62.4	64.5	64.0	62.6	62.1	63.2	64.2	66.1	64.9
Kadar pengangguran	(%)	3.0	2.8	3.2	3.1	3.7	4.1	4.4	4.0	3.6	3.9	3.8	3.8
<b>Kelantan</b>													
Tenaga buruh	('000)	717.1	696.2	716.9	738.6	732.4	723.6	715.8	703.9	698.3	721.9	747.6	773.5
Bekerja	('000)	685.7	661.9	680.6	701.2	702.0	692.9	683.2	675.3	667.8	687.4	709.7	737.2
Penganggur	('000)	31.4	34.3	36.3	37.4	30.4	30.7	32.7	28.6	30.5	34.5	37.9	36.2
Luar tenaga buruh	('000)	478.8	510.7	498.9	488.0	495.0	509.7	525.8	544.8	562.0	542.4	522.4	500.8
Kadar penyertaan tenaga buruh	(%)	60.0	57.7	59.0	60.2	59.7	58.7	57.7	56.4	55.4	57.1	58.9	60.7
Kadar pengangguran	(%)	4.4	4.9	5.1	5.1	4.2	4.2	4.6	4.1	4.4	4.8	5.1	4.7
<b>Melaka</b>													
Tenaga buruh	('000)	425.7	452.6	433.0	435.9	444.4	439.6	426.1	432.6	436.4	433.4	454.3	461.2
Bekerja	('000)	418.6	446.9	426.2	428.7	438.9	430.0	415.5	416.5	420.8	417.6	440.5	447.0
Penganggur	('000)	7.1	5.7	6.8	7.1	5.5	9.7	10.6	16.1	15.7	15.7	13.8	14.2
Luar tenaga buruh	('000)	212.5	190.6	211.0	208.8	202.4	210.5	220.7	224.5	217.7	220.3	212.0	203.5
Kadar penyertaan tenaga buruh	(%)	66.7	70.4	67.2	67.6	68.7	67.6	65.9	65.8	66.7	66.3	68.2	69.4
Kadar pengangguran	(%)	1.7	1.3	1.6	1.6	1.2	2.2	2.5	3.7	3.6	3.6	3.0	3.1
<b>Negeri Sembilan</b>													
Tenaga buruh	('000)	503.0	508.4	498.4	513.8	507.8	502.5	500.0	491.2	498.1	505.6	512.0	509.8
Bekerja	('000)	488.0	495.8	487.7	500.5	491.0	484.3	481.5	470.4	479.5	488.1	493.2	494.0
Penganggur	('000)	15.0	12.6	10.7	13.2	16.8	18.2	18.5	20.8	18.7	17.5	18.8	15.7
Luar tenaga buruh	('000)	265.2	263.7	276.6	263.3	269.9	273.3	279.8	287.8	282.3	268.4	276.6	274.8
Kadar penyertaan tenaga buruh	(%)	65.5	65.8	64.3	66.1	65.3	64.8	64.1	63.1	63.8	65.3	64.9	65.0
Kadar pengangguran	(%)	3.0	2.5	2.1	2.6	3.3	3.6	3.7	4.2	3.7	3.5	3.7	3.1

Sumber: Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia, ST4 2021, DOSM

Jadual A: Penawaran Buruh, Malaysia, ST1 2019 - ST4 2021

## 6. Statistik Utama Tenaga Buruh mengikut Negeri (samb.)

Indikator	Unit	2019				2020				2021			
		ST1	ST2	ST3	ST4	ST1	ST2	ST3	ST4	ST1	ST2	ST3	ST4
<b>Pahang</b>													
Tenaga buruh	('000)	739.4	738.4	742.8	759.1	756.8	750.6	760.9	718.6	733.6	733.4	751.8	735.8
Bekerja	('000)	717.5	712.8	724.5	742.8	733.7	727.2	739.4	694.9	706.9	707.3	723.6	711.6
Penganggur	('000)	21.9	25.6	18.3	16.3	23.1	23.4	21.5	23.6	26.7	26.1	28.2	24.2
Luar tenaga buruh	('000)	371.7	383.7	375.7	360.8	370.7	379.6	371.6	418.0	407.9	397.5	396.8	412.1
Kadar penyertaan tenaga buruh	(%)	66.5	65.8	66.4	67.8	67.1	66.4	67.2	63.2	64.3	64.9	65.5	64.1
Kadar pengangguran	(%)	3.0	3.5	2.5	2.2	3.0	3.1	2.8	3.3	3.6	3.6	3.8	3.3
<b>Pulau Pinang</b>													
Tenaga buruh	('000)	845.7	867.7	857.7	854.0	868.8	859.9	860.9	915.4	908.5	951.1	915.6	937.9
Bekerja	('000)	829.4	851.3	841.7	835.0	850.7	822.7	826.0	881.9	876.4	913.9	881.5	908.1
Penganggur	('000)	16.2	16.4	16.0	19.0	18.0	37.2	34.8	33.6	32.1	37.2	34.0	29.9
Luar tenaga buruh	('000)	419.7	398.5	413.4	419.5	408.3	419.6	430.2	372.1	375.8	342.9	379.1	363.0
Kadar penyertaan tenaga buruh	(%)	66.8	68.5	67.5	67.1	68.0	67.2	66.7	71.1	70.7	73.5	70.7	72.1
Kadar pengangguran	(%)	1.9	1.9	1.9	2.2	2.1	4.3	4.0	3.7	3.5	3.9	3.7	3.2
<b>Perak</b>													
Tenaga buruh	('000)	1,088.8	1,065.8	1,095.7	1,103.1	1,110.0	1,094.2	1,115.4	1,088.8	1,088.4	1,124.8	1,113.7	1,110.7
Bekerja	('000)	1,044.7	1,016.2	1,051.8	1,052.1	1,063.7	1,034.8	1,062.3	1,035.8	1,038.9	1,075.2	1,060.7	1,062.8
Penganggur	('000)	44.1	49.6	43.9	51.0	46.2	59.4	53.1	52.9	49.5	49.7	52.9	47.9
Luar tenaga buruh	('000)	605.8	631.8	603.5	595.2	607.9	609.3	598.5	623.9	625.2	585.6	595.8	611.3
Kadar penyertaan tenaga buruh	(%)	64.3	62.8	64.5	65.0	64.6	64.2	65.1	63.6	63.5	65.8	65.1	64.5
Kadar pengangguran	(%)	4.1	4.7	4.0	4.6	4.2	5.4	4.8	4.9	4.6	4.4	4.8	4.3
<b>Perlis</b>													
Tenaga buruh	('000)	113.8	114.8	111.0	114.7	116.3	114.8	104.2	111.7	110.8	117.4	113.0	116.1
Bekerja	('000)	108.1	110.5	106.9	112.4	112.0	110.0	99.3	106.0	105.0	111.2	107.5	111.2
Penganggur	('000)	5.7	4.3	4.1	2.3	4.2	4.8	4.9	5.7	5.8	6.2	5.5	4.9
Luar tenaga buruh	('000)	59.7	58.8	63.5	60.5	57.4	59.4	71.6	65.7	66.3	62.3	64.2	63.9
Kadar penyertaan tenaga buruh	(%)	65.6	66.1	63.6	65.5	67.0	65.9	59.3	63.0	62.6	65.3	63.8	64.5
Kadar pengangguran	(%)	5.0	3.8	3.7	2.0	3.6	4.2	4.7	5.1	5.3	5.3	4.9	4.2
<b>Selangor</b>													
Tenaga buruh	('000)	3,514.8	3,494.2	3,728.3	3,648.3	3,523.9	3,529.0	3,689.6	3,881.9	3,881.8	3,715.6	3,715.9	3,658.6
Bekerja	('000)	3,412.1	3,407.6	3,651.4	3,559.9	3,443.8	3,367.7	3,511.9	3,707.0	3,708.5	3,550.5	3,583.9	3,553.3
Penganggur	('000)	102.7	86.6	76.9	88.3	80.1	161.3	177.7	174.9	173.2	165.0	132.0	105.3
Luar tenaga buruh	('000)	1,183.2	1,227.6	1,012.8	1,119.8	1,264.1	1,281.8	1,149.7	984.4	1,047.4	1,244.8	1,261.5	1,279.7
Kadar penyertaan tenaga buruh	(%)	74.8	74.0	78.6	76.5	73.6	73.4	76.2	79.8	78.8	74.9	74.7	74.1
Kadar pengangguran	(%)	2.9	2.5	2.1	2.4	2.3	4.6	4.8	4.5	4.5	4.4	3.6	2.9
<b>Terengganu</b>													
Tenaga buruh	('000)	483.1	485.1	496.8	495.0	503.8	488.3	458.5	485.4	492.4	480.5	472.7	484.6
Bekerja	('000)	463.7	465.9	481.0	478.7	487.1	469.8	440.7	466.2	474.2	460.5	451.8	464.7
Penganggur	('000)	19.4	19.2	15.7	16.2	16.7	18.5	17.8	19.2	18.3	20.0	20.9	19.9
Luar tenaga buruh	('000)	311.9	312.0	305.9	312.5	309.3	328.3	362.3	337.3	335.8	359.8	362.7	358.2
Kadar penyertaan tenaga buruh	(%)	60.8	60.9	61.9	61.3	62.0	59.8	55.9	59.0	59.5	57.2	56.6	57.5
Kadar pengangguran	(%)	4.0	4.0	3.2	3.3	3.3	3.8	3.9	4.0	3.7	4.2	4.4	4.1

Sumber: Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia, ST4 2021, DOSM

## Jadual A: Penawaran Buruh, Malaysia, ST1 2019 - ST4 2021

## 6. Statistik Utama Tenaga Buruh mengikut Negeri (samb.)

Indikator	Unit	2019				2020				2021			
		ST1	ST2	ST3	ST4	ST1	ST2	ST3	ST4	ST1	ST2	ST3	ST4
<b>Sabah</b>													
Tenaga buruh	('000)	2,033.5	2,004.6	2,046.8	2,114.1	2,133.9	2,132.3	2,052.7	1,984.6	2,019.6	2,004.4	1,982.1	2,045.9
Bekerja	('000)	1,926.2	1,882.4	1,910.2	1,999.8	1,990.9	1,938.1	1,876.9	1,817.8	1,839.4	1,829.3	1,803.5	1,861.7
Penganggur	('000)	107.2	122.2	136.5	114.3	143.0	194.2	175.8	166.7	180.2	175.1	178.6	184.2
Luar tenaga buruh	('000)	843.6	887.3	857.3	806.2	799.8	816.2	911.9	995.2	971.8	999.9	1,027.8	985.1
Kadar penyertaan tenaga buruh	(%)	70.7	69.3	70.5	72.4	72.7	72.3	69.2	66.6	67.5	66.7	65.9	67.5
Kadar pengangguran	(%)	5.3	6.1	6.7	5.4	6.7	9.1	8.6	8.4	8.9	8.7	9.0	9.0
<b>Sarawak</b>													
Tenaga buruh	('000)	1,380.2	1,327.5	1,317.7	1,351.3	1,353.8	1,342.2	1,358.3	1,353.7	1,365.7	1,418.8	1,419.1	1,441.7
Bekerja	('000)	1,334.1	1,292.7	1,273.1	1,303.1	1,309.1	1,266.2	1,305.6	1,293.4	1,301.5	1,356.1	1,354.3	1,384.1
Penganggur	('000)	46.1	34.8	44.6	48.3	44.7	76.0	52.8	60.3	64.2	62.6	64.7	57.6
Luar tenaga buruh	('000)	585.3	641.4	660.0	632.5	633.9	668.3	657.3	662.5	657.9	625.2	615.7	603.3
Kadar penyertaan tenaga buruh	(%)	70.2	67.4	66.6	68.1	68.1	66.8	67.4	67.1	67.5	69.4	69.7	70.5
Kadar pengangguran	(%)	3.3	2.6	3.4	3.6	3.3	5.7	3.9	4.5	4.7	4.4	4.6	4.0
<b>W.P Kuala Lumpur</b>													
Tenaga buruh	('000)	852.5	876.2	893.4	834.1	900.3	884.0	892.4	892.0	919.6	918.6	900.7	918.2
Bekerja	('000)	833.1	848.2	871.4	813.6	877.2	850.7	859.5	848.7	874.1	875.0	857.5	872.6
Penganggur	('000)	19.4	28.0	22.0	20.5	23.1	33.2	32.8	43.3	45.5	43.6	43.2	45.6
Luar tenaga buruh	('000)	387.7	359.0	341.7	390.3	341.8	346.0	336.8	323.3	310.0	332.2	322.6	311.0
Kadar penyertaan tenaga buruh	(%)	68.7	70.9	72.3	68.1	72.5	71.9	72.6	73.4	74.8	73.4	73.6	74.7
Kadar pengangguran	(%)	2.3	3.2	2.5	2.5	2.6	3.8	3.7	4.9	4.9	4.7	4.8	5.0
<b>W.P Labuan</b>													
Tenaga buruh	('000)	42.8	45.5	42.4	41.1	45.5	45.5	47.8	47.0	50.0	48.7	51.2	51.1
Bekerja	('000)	40.7	43.4	41.2	39.4	44.4	42.7	45.1	43.2	45.5	44.4	47.0	47.2
Penganggur	('000)	2.0	2.1	1.1	1.7	1.1	2.9	2.7	3.9	4.5	4.3	4.2	3.9
Luar tenaga buruh	('000)	25.9	23.9	27.8	28.1	26.1	26.6	26.2	24.3	24.6	25.2	25.1	24.0
Kadar penyertaan tenaga buruh	(%)	62.3	65.6	60.4	59.4	63.6	63.1	64.6	65.9	67.0	65.9	67.1	68.1
Kadar pengangguran	(%)	4.8	4.6	2.6	4.2	2.5	6.4	5.7	8.2	9.0	8.8	8.2	7.6
<b>W.P Putrajaya</b>													
Tenaga buruh	('000)	37.2	37.8	36.8	37.2	38.5	36.6	37.6	34.3	36.3	33.8	35.2	36.2
Bekerja	('000)	36.6	37.4	36.4	37.0	38.5	35.9	37.1	33.6	35.4	33.2	34.8	35.6
Penganggur	('000)	0.6	0.3	0.4	0.2	0.1	0.8	0.4	0.7	0.9	0.6	0.4	0.6
Luar tenaga buruh	('000)	13.6	13.6	14.7	14.4	12.6	14.2	13.4	16.3	15.6	15.3	14.9	14.9
Kadar penyertaan tenaga buruh	(%)	73.2	73.6	71.4	72.1	75.3	72.1	73.7	67.9	70.0	68.8	70.2	70.9
Kadar pengangguran	(%)	1.5	0.9	1.1	0.4	0.2	2.1	1.2	2.1	2.4	1.7	1.0	1.6

Sumber: Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia, ST4 2021, DOSM

Jadual B: Permintaan Buruh, Malaysia, ST1 2019 - ST4 2021

## 1. Jawatan, Jawatan Diisi, Kekosongan, Pewujudan Jawatan &amp; Kadar Jawatan Diisi dan Kadar Kekosongan mengikut Aktiviti Ekonomi

Indikator	Unit	2019				2020				2021			
		ST1	ST2	ST3	ST4	ST1	ST2	ST3	ST4	ST1	ST2	ST3	ST4
<b>Keseluruhan</b>													
Jawatan	('000)	8,549.3	8,619.3	8,651.6	8,661.4	8,566.5	8,383.4	8,472.1	8,457.1	8,423.6	8,351.8	8,405.6	8,530.7
Jawatan diisi	('000)	8,348.8	8,401.4	8,448.9	8,463.5	8,400.6	8,213.9	8,292.8	8,281.2	8,245.7	8,173.7	8,231.6	8,347.1
Kekosongan	('000)	200.5	217.9	202.6	198.0	166.0	169.5	179.3	175.9	177.9	178.0	174.0	183.6
Pewujudan jawatan	('000)	23.47	27.15	28.10	25.24	21.87	13.67	21.03	16.72	17.38	16.18	15.04	20.89
Kadar jawatan diisi	(%)	97.7	97.5	97.7	97.7	98.1	98.0	97.9	97.9	97.9	97.9	97.9	97.8
Kadar kekosongan	(%)	2.3	2.5	2.3	2.3	1.9	2.0	2.1	2.1	2.1	2.1	2.1	2.2
<b>Aktiviti Ekonomi</b>													
<b>Pertanian</b>													
Jawatan	('000)	491.9	505.2	493.8	487.0	483.4	478.2	473.8	472.6	467.6	465.5	468.1	468.4
Jawatan diisi	('000)	463.3	475.1	468.9	458.7	457.0	450.1	443.7	443.1	439.1	436.3	439.4	438.7
Kekosongan	('000)	28.6	30.2	24.9	28.4	26.5	28.2	30.2	29.5	28.5	29.2	28.7	29.8
Pewujudan jawatan	('000)	2.16	2.31	3.22	3.06	1.12	0.40	0.90	0.73	0.74	0.70	0.74	1.20
Kadar jawatan diisi	(%)	94.2	94.0	95.0	94.2	94.5	94.1	93.6	93.8	93.9	93.7	93.9	93.6
Kadar kekosongan	(%)	5.8	6.0	5.0	5.8	5.5	5.9	6.4	6.2	6.1	6.3	6.1	6.4
<b>Perlombongan &amp; Pengkuarian</b>													
Jawatan	('000)	82.2	84.1	81.3	82.5	80.1	79.0	79.5	79.4	79.5	78.8	78.3	77.9
Jawatan diisi	('000)	81.7	83.7	80.8	82.2	79.8	78.7	79.1	78.9	79.1	78.4	77.9	77.4
Kekosongan	('000)	0.4	0.3	0.5	0.3	0.3	0.3	0.4	0.4	0.4	0.4	0.4	0.4
Pewujudan jawatan	('000)	0.20	0.18	0.16	0.11	0.08	0.04	0.08	0.09	0.08	0.09	0.07	0.09
Kadar jawatan diisi	(%)	99.5	99.6	99.4	99.7	99.6	99.6	99.5	99.4	99.5	99.5	99.5	99.5
Kadar kekosongan	(%)	0.5	0.4	0.6	0.3	0.4	0.4	0.5	0.6	0.5	0.5	0.5	0.5
<b>Pembuatan</b>													
Jawatan	('000)	2,240.4	2,269.6	2,285.7	2,283.7	2,251.2	2,232.2	2,253.6	2,257.0	2,260.4	2,258.6	2,286.2	2,321.3
Jawatan diisi	('000)	2,131.5	2,148.4	2,172.8	2,174.3	2,160.8	2,138.7	2,153.3	2,159.2	2,159.5	2,158.4	2,187.0	2,217.7
Kekosongan	('000)	109.0	121.2	112.9	109.4	90.3	93.5	100.4	97.8	100.9	100.1	99.2	103.6
